



BULETIN

Bil.1 / 2021 ISSN 2232-0415

UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

www.uthm.edu.my

January-April 2021



UTHM dilantik sebagai Pusat Penilaian APEL



Dr. Juita wanita pertama Malaysia miliki Lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



UTHM Produces Professionals

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad
Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

KANDUNGAN



BERITA KAMPUS

01 UTHM dilantik sebagai Pusat Penilaian APEL



PENYELIDIKAN & INOVASI

23 UTHM berjaya menghasilkan inovasi baharu produk berasaskan serat buluh.

AKTIVITI MAHASISWA

46 39 Pegawai Kadet ditauliah dalam Majlis Pentauliahian Kor SISPA 2020

BICARA KOLUMNIS

49 Kuliah maya: hasil e-pembelajaran perlu diutamakan

SUKAN

51 UTHM bergelar juara di Kejohanan ESports Terbuka IPT Johor 2021

UTHM DI AKHBAR

54 Top scientists: Nor Aziati (left) and Aeslina from UTHM are helping to improve the lives of Malaysians through their research outcomes.



Tinta Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera...

Tahun 2021 ini merupakan tahun kedua kita dibelenggu dengan penularan Covid-19. Pandemi ini tetap menuntut kita meneruskan hidup dalam norma baharu sehinggalah dunia diistiharkan bebas daripada virus ini. Seperti tahun lepas kehadiran wabak ini sedikit sebanyak mengganggu perjalanan pembelajaran dan pengajaran di universiti ini, termasuklah banyak program dan aktiviti terpaksa ditangguh atau dibatalkan.

Bagaimanapun, Buletin UTHM masih meneruskan penerbitan secara e-buletin untuk edisi pertama bagi tahun ini. Pihak Redaksi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana terus menyokong penerbitan buletin ini melalui pemberian bahan-bahan maklumat untuk dikongsi. Seperti biasa, kali ini pihak kami ingin kongsi sedikit coretan peristiwa yang berlaku sepanjang bulan Januari hingga April 2021.

Tahniah UTHM kerana telah dilantik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Pusat Penilaian APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) iaitu Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu pada Mac lalu. Semoga dengan penubuhan Pusat APEL ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi penghasilan graduan TVET yang berkualiti.

UTHM turut berbangga dengan Pensyarahnya, Dr. Siti Juita Mastura Mohd Saleh UTHM) yang menjadi wanita Malaysia pertama memiliki lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional atau *Remote Pilot License* (RePL) yang diiktiraf oleh Lembaga Keselamatan Penerbangan Awam (CASA), Australia. Kejayaan ini mendapat liputan meluas akhbar-akhbar tempatan sekali gus menaikkan lagi nama UTHM. Tahniah Dr. Juita.

Sementara itu, Pusat Penyelidikan Buluh (BambooRC), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) pula mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menghasilkan inovasi baharu produk berasaskan serat buluh. Inisiatif yang diambil ini bertujuan untuk memajukan teknologi buluh sekali gus mempelbagaikan lagi aplikasi produk daripada serat bagi membuka peluang baharu sumber alternatif komoditi di Malaysia.

Syabas juga diucapkan kepada kumpulan penyelidik UTHM yang berjaya merangkul 10 pingat dan satu Anugerah Khas ketika menyertai *Malaysia Technology Expo 2021* (MTE 2021) dan 25 pingat bersama satu anugerah khas ketika menyertai Ekspo Maya Rekacipta dan Pameran Penyelidikan (EREKA 2021). Anda semua hebat.

Pihak kami sangat mengalu-alukan perkongsian maklumat dan berita daripada semua pusat tanggungjawab (PTj) yang ada di UTHM ini. Khabarkan kepada kami dan kami akan kongsi aktiviti dan program yang dianjurkan oleh PTj masing-masing kepada umum.

Akhir kata, semoga kita semua dilindungi daripada wabak Covid-19. Hentikan penularannya dengan mengamalkan norma baharu seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Kita belum menang, jadi bersama-samalah kita menjaga diri, keluarga dan masyarakat kita.

Sekian, Wassalam.



UTHM dilantik sebagai Pusat Penilaian APEL



BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Pusat Penilaian APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) iaitu Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu.

Untuk rekod, MQA yang menjadi badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti serta akreditasi pendidikan tinggi negara sebelum ini telah memperkenalkan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) bagi menyediakan laluan kemasukan alternatif kepada mereka yang memiliki pendidikan formal tetapi tidak mencukupi syarat kelayakan.

Ini bermakna mereka boleh menggunakan pengalaman terdahulu seperti pengalaman kerja dan kehidupan, latihan, pembelajaran bebas, kerja sukarelawan, hobi dan seumpunya untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda atau sarjana di intitusi pengajian tinggi negara ini termasuklah UTHM.

Menurut Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) mengutamakan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi memastikan masyarakat mendapat peluang pendidikan merentasi peringkat umur, latar belakang bidang pendidikan, kemahiran, pengalaman dan peringkat pengajian.

"Sebagai tanda sokongan kepada agenda PSH ini, pihak kami komited menubuhkan Pusat APEL UTHM bagi meluaskan peluang masyarakat di Malaysia untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menggunakan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang telah dimiliki dalam bidang pekerjaan di sektor industri serta perkhidmatan.

"Penubuhan Pusat APEL ini diharapkan dapat mengukuhkan penghasilan graduan TVET yang berkualiti seperti yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, dan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di Malaysia," katanya.



Sementara itu, satu sesi penyerahan mock-up Pelantikan UTHM sebagai Pusat Penilaian APEL bagi Peringkat Ijazah Sarjana (APEL T-7) dan Sarjana Muda (APEL T-6) telah diadakan ketika berlangsungnya program Malaysia Prihatin Bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad bertempat di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor pada 19 Mac 2021 lalu.

Simbolik penyerahan mock-up melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran manakala UTHM pula diwakili oleh Datuk Wahid, dan turut

disaksikan oleh Datuk Seri Dr. Noraini bersama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Profesor Dato' Dr. Husaini Omar.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Profesor Dr. Azme Khamis dan Pengarah Pusat APEL UTHM, Profesor Madya Ts. Dr. Saifullizam Puteh.





Amanat Naib Canselor 2021: Hayati, terima dan laksana perubahan paradigma baharu



Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly menyeru warga kerja universiti untuk menyemak, menilai dan merancang semula perubahan kerja terutama dalam fungsi organisasi dan sumber manusia ketika negara masih dibelenggu dengan penularan Covid-19.

Menurut beliau dalam keterbatasan pergerakan akibat pandemik, semua warga kampus perlu mempunyai jiwa dan minda yang terbuka dalam menghadapi norma baharu pada ketika ini termasuklah cara kerja dan corak pemikiran bagi memastikan sistem pendidikan serta pentadbiran universiti berjalan lancar.

Datuk Wahid berkata demikian ketika berlangsungnya Majlis Amanat Naib Canselor UTHM 2021 pada 1 Februari lalu yang diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom.

Terdahulu, beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus dalam memastikan sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) tahun lalu dapat dicapai walaupun sistem pendidikan negara kini turut terkesan dengan penularan pandemik Covid-19.

“Saya berharap pada tahun 2021 ini, kita semua dapat mencapai KPI lebih 90 peratus dalam lapan kluster berikut iaitu Enrolmen Pelajar, Pelajar Antarabangsa, Kebolehpasaran Graduan, Penjana Pendapatan, Penerbitan, Dana Penyelidikan Baharu, Perundingan dan Pengujian Industri serta Program Khidmat Masyarakat,” katanya.

Datuk Wahid juga turut mengimbas kembali intipati amanat Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini yang memberi perhatian kepada beberapa perkara antaranya agenda



memperkasakan lagi pendigitalan pendidikan, memantapkan jaringan kolaborasi strategik, memperkukuh kebolehpasaran graduan, memacu kesejahteraan komuniti, mempersada kecemerlangan institusi dan menyemarakkan semangat KPT Prihatin.

Selain itu, Datuk Wahid turut memperkenalkan empat paradigma baharu UTHM yang perlu dihayati dan dilaksanakan oleh warganya iaitu kaedah PdP norma baharu, pemerksaan TVET, penggunaan aplikasi DNA GRITT kepada graduan UTHM serta pembentukan ekosistem *technopreneur* dalam kalangan warga UTHM.

“Untuk merealisasikan keempat-empat perubahan paradigma ini, kita mestilah melakukan dengan lebih cekal dan berintegriti, disertai dengan niat yang baik selain turut memahami dan menghayati konsep paradigma tauhid,” ujar beliau.

Secara keseluruhannya beliau mengingatkan warga kerja untuk memberi lebih perhatian kepada beberapa perkara antaranya pencapaian 95 peratus kebolehpasaran graduan, meningkatkan jumlah kolaborasi industri baharu, empat laluan kerjaya staf

akademik, penstrukturan semula fungsi organisasi dan pelaksanaan perubahan transformasi digital.

Beliau juga berharap penubuhan *Sultan Ibrahim International Business School*, *MRT-UTHM Rail Academy* dan *Innovation Park* di setiap kampus dapat direalisasikan seperti yang telah dirancang bermula pada tahun ini. Manakala bantuan baucar komputer riba bersasar dan berfasa dapat diberikan kepada kumpulan pentadbir bagi memudahkan lagi urusan perkhidmatan masing-masing.

Turut diadakan, pelancaran buku “Sasaran Kerja Tahunan Universiti 2021” terbitan Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko. Buku ini diterbitkan saban tahun bertujuan untuk dijadikan rujukan barisan kepimpinan universiti dalam merangka aktiviti bagi mencapai sasaran tahunan.



Noraini seru rakyat Malaysia dapatkan suntikan vaksin, sokong usaha kerajaan bendung Covid-19



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyeru kepada semua rakyat Malaysia yang layak untuk mendaftar segera bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 melalui saluran pendaftaran yang disediakan.

“Saya sangat berharap kita semua memainkan peranan masing-masing menyokong program Vaksinasi Kebangsaan ini bagi menjayakan usaha kerajaan melandaikan keluk Covid-19,” katanya ketika menyempurnakan program Malaysia Prihatin yang diadakan di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 13 Mac 2021.

Program yang diselaraskan oleh UTHM ini diadakan bertujuan untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat berhubung inisiatif dan langkah-langkah yang diambil

kerajaan dalam menangani Covid-19 serta penjelasan tentang program Vaksinasi Kebangsaan yang menyasarkan sekurang-kurangnya 70 peratus populasi rakyat di Malaysia menerima suntikan vaksin dalam tempoh setahun.

Menurut beliau pelbagai inisiatif pencegahan, pembendungan dan kawalan pandemik dilakukan kerajaan dalam memastikan bukan sahaja wabak ini dihapus segera, malah kelangsungan hidup rakyat dapat diteruskan.

Antaranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kawalan sempadan, kuarantin wajib dan saringan bersasar, sanitasi awam dan program meringankan beban rakyat seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan moratorium pembayaran pinjaman.



Datuk Noraini turut berkongsi langkah proaktif yang telah diambil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui program #KTPrihatin antaranya pihaknya bekerjasama dengan institut pengajian tinggi (IPT) membantu para pelajar dari keluarga B40 melalui pemberian bantuan pelan data dan peranti dengan harapan ia dapat memudahkan para pelajar menjalani PdP secara dalam talian.

"Ini termasuklah Bantuan RM50 Secara *One-off* kepada 76,153 pelajar baharu Sesi Akademik 2020/2021 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.8 juta, Bantuan Pelan Data B40 dengan peruntukan sebanyak RM24 juta yang memanfaatkan 320,396 pelajar dan Bantuan Peranti B40 bersasar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM13 juta kepada 8,965 pelajar.

"Pihak KPT juga turut memberi bantuan lain seperti 15 peratus pengurangan pengajian di semua universiti awam, moratorium PTPTN, penyediaan makan dan minum kepada 82 ribu

pelajar, bantuan *one-off* RM200 kepada 841,464 pelajar dan turut menanggung sepenuhnya bayaran proses UPUOnline/UNIK ID," katanya.

Hadir sama ke program tersebut, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff; Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Dr. Mohd Zabri Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, Prof. Dato' Dr. Husaini Omar; Ketua Pengarah Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti KPT, Ts. Zainab Ahmad; Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly dan Pegawai Daerah Batu Pahat, Haji Ismail Abu.

Turut berlangsung, sesi forum bertajuk "Vaksin: Peranan Pendidik Mendepani Cabaran Era Pandemik" dan dimeriahkan dengan kaunter-kaunter pameran dan pemeriksaan kesihatan percuma khas untuk pengunjung yang hadir.





Dr. Juita wanita pertama Malaysia miliki Lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional

Dr. Siti Juita Mastura Mohd Saleh, 39 dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi wanita Malaysia pertama memiliki lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional atau *Remote Pilot License (RePL)* yang diiktiraf oleh Lembaga Keselamatan Penerbangan Awam (CASA), Australia.

Beliau yang merupakan seorang pensyarah dan penyelidik di Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) mendapat lesen tersebut pada tahun 2019.

Dalam industri yang dimonopoli oleh kaum lelaki, beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Struktur dan Reka Bentuk Pesawat, khususnya berkaitan *Composite Aerostructures*.

Graduan Doktor Falsafah Kejuruteraan Aeroangkasa dari *Cranfield University, United Kingdom* ini bergiat aktif bukan sahaja dalam bidang penyelidikan malah menjadi penggerak kepada pembangunan pensijilan aeroangkasa khususnya berkaitan teknologi dron yang kini ditawarkan di UTHM.

Selari dengan perkembangan UTHM dalam bidang pembangunan Dron, Dr. Juita sebelum ini pernah terlibat dengan pembangunan Dron Penghantaran bagi mengikuti pertandingan Parcel Dron Malaysia anjuran Pos Malaysia 2019. Hasil daripada pengalaman pembangunan dron, beliau bersama-sama penyelidik lain kini telah menghasilkan satu produk komersial dron pertanian PINEXRI-20 menerusi projek kolaborasi antara UTHM dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB).

Manakala bagi projek pembangunan Dron Gergasi Malaysia di UTHM atau dikenali sebagai C-Drone, beliau telah diberi tanggungjawab sebagai Ketua Unit Analisa Struktur. Menerusi projek khas negara ini, beliau dapat menimba pengalaman dan menggunakan kepakaran yang dimiliki dalam aplikasi sebenar.

Tidak terhenti di situ, hasil kerjasama dengan industri, satu geran penyelidikan telah diberikan oleh UTHM kepada beliau untuk membangunkan



prototaip pesawat terbang rendah yang juga dikenali sebagai *wing-in-ground effect craft*.

Terdahulu, beliau yang aktif dalam bidang penyelidikan juga pernah dilantik sebagai Ketua Kumpulan Penyelidikan Berfokus Struktur dan Reka Bentuk Pesawat.

Berada di salah satu institusi pengajian tinggi yang terkenal dengan aktiviti melibatkan bidang pengangkutan aeroangkasa, keretapi dan automotif, Dr. Juita komited untuk meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk aeroangkasa selari dengan hasrat negara untuk memperkasa industri aeroangkasa menjelang 2030.

Peningkatan kepada pengetahuan integrasi sistem terutama berkaitan dron banyak dipupuk melalui projek-projek dron yang dibangun bersama-sama pelajar di bawah seliaan beliau.



Sehingga kini beberapa keluaran graduan UTHM juga terlibat sebagai pengendali dron profesional terutama pelajar lepasan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik yang juga dianugerahkan lesen juruterbang profesional yang diiktiraf Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) di akhir pengajian.

Dr. Juita menzahirkan rasa bersyukur kerana diberi peluang berbakti kepada universiti yang menggalakkan staf untuk terlibat dalam aktiviti komuniti. Menerusi pelbagai program yang diatur oleh UTHM, beliau berpeluang untuk menyumbang khidmat bakti dan perpindahan ilmu berkaitan dron kepada komuniti setempat mahupun masyarakat orang asli.

Beliau juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pelbagai badan bukan kerajaan seperti Yayasan Amal Malaysia dan Pertubuhan Masyarakat Orang Asli Kuala (D'Duanu) dalam usaha menganjurkan aktiviti bersama masyarakat kurang berkemampuan.

Berbekalkan semangat dan sokongan rakan-rakan yang berpengalaman dalam pembangunan Sekolah Penerbangan Profesional milik UTHM yang dikenali sebagai *Asia Aeronautical Training Academy (AATA)*, beliau kini diberi kepercayaan untuk membangunkan akademi dron milik UTHM yang dijangka akan beroperasi dalam masa terdekat.

Dalam masa yang sama, beliau juga merupakan salah seorang lembaga pengarah dalam satu syarikat terbitan UTHM, *Avitex Solution* yang menjalankan aktiviti komersial produk berasaskan dron serta kursus asas pengendalian dron.

"Saya amat berharap dengan tertubuhnya syarikat ini, ia akan memberi peluang kepada UTHM untuk terlibat dengan lebih aktif bukan sahaja dalam penyelidikan dan pembangunan produk, malahan aktiviti konsultasi melibatkan aplikasi dron dalam pelbagai industri," katanya.





Karnival pendidikan maya promosi program akademik UTHM

Sertai Secara Maya
UTHM
EDU Fair
2021

Dapatkan semua pertanyaan dan jawapan berkaitan pengajian anda di sini!

Daftar secara PERCUMA sekarang!

28-29 Mac 2021

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pendidikan Untuk Semua

BATU PAHAT - Walaupun negara masih di era pandemik, statistik tahun 2020 menunjukkan lebih 90 peratus graduan setiap fakulti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mendapat tempat di pasaran kerja. Jumlah ini membuktikan program-program yang ditawarkan oleh universiti ini amatlah relevan dan menepati kehendak pasaran.

Bagi mempromosikan lagi universiti ini agar terus dikenali dan menjadi pilihan utama para pelajar di luar sana, UTHM meneruskan usahanya dengan menganjurkan karnival pendidikan secara maya 'UTHM EDUFair 2021' pada 28 dan 29 Mac lalu.

Bertemakan 'Pendidikan untuk Semua,' karnival secara maya ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan program pendidikan yang ditawarkan oleh UTHM, yang

merangkumi program-program akademik perdana, program pendidikan berterusan serta kursus pendek.

Menurut Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi merangkap pengerusi program, UTHM ingin memberi peluang kepada masyarakat serta bakal pelajar khususnya pelajar Lulusan STPM, SPM atau setaraf untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan pemilihan bidang pengajian yang tepat berdasarkan minat dan kecenderungan, peluang dan kerjaya masa hadapan.

"Karnival ini juga turut berkongsi maklumat tentang penajaan, biasiswa dan pembiayaan kewangan yang disediakan selain turut berinteraksi dengan masyarakat di luar sana secara maya," katanya.



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor Othman selaku wakil rasmi Menteri Pengajian Tinggi turut serta menyempurnakan perasmian karnival ini.

Beliau dalam ucapannya menggalakkan masyarakat terutamanya pelajar lepasan SPM untuk menceburi bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) kerana ia mempunyai pasaran kerja yang cukup luas pada masa hadapan.

Menurut beliau, bagi memenuhi peluang pasaran pekerjaan baharu dan menangani isu pengangguran, pihaknya melihat UTHM begitu komited dalam melahirkan lebih ramai graduan TVET, selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran tinggi.

"UTHM merupakan universiti perintis dalam bidang TVET dan turut memiliki tenaga pakar dari dalam dan luar negara, sekali gus layak menjadi universiti pilihan pertama kepada mereka yang ingin menceburi bidang ini," katanya.

Tambah beliau, bagi masyarakat yang memiliki pendidikan formal tetapi tidak mencukupi syarat kelayakan, mereka tetap boleh menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di UTHM mahupun institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini.

"Ini kerana UTHM sebelum ini telah dilantik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Pusat Penilaian APEL iaitu Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi menyediakan laluan kemasukan alternatif.

"Melalui APEL, masyarakat boleh menggunakan pengalaman terdahulu seperti pengalaman kerja dan kehidupan, latihan, pembelajaran bebas, kerja sukarela, hobi dan seumpamanya untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana," katanya.

"Lantikan ini jelas memperlihatkan UTHM antara universiti yang menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat dan komited mengukuhkan proses penghasilan graduan TVET yang berkualiti seperti yang disarankan dalam 10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025," katanya.

Turut diadakan, sesi perkongsian tentang pembelajaran masa kini yang dilaksanakan oleh universiti ini, tips mudah untuk menjadi warga UTHM serta jelajah kampus secara maya bagi memperkenalkan masyarakat dengan persekitaran kampus yang lengkap dengan fasiliti untuk kegunaan warganya.

UTHM-Perisind Samudra jalin kerjasama strategik, beri geran penyelidikan RM1 juta



Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly (Kanan), mengiringi Dato' Mohd Shafiee Mohd Sanip (Kiri), bersaksikan Dato' Sri Haji Ibrahim Ahmad (Tengah) dalam majlis memeterai perjanjian persefahaman antara UTHM dan PSSB.

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalinkan kerjasama strategik bersama Perisind Samudra Sdn. Bhd. (PSSB) bagi melaksanakan projek inisiatif pembangunan dan penyelidikan *Green and Smart City*.

Kerjasama itu membabitkan pemberian geran bernilai RM1 juta daripada PSSB kepada UTHM bagi tujuan penyelidikan awal.

Bagi merealisasikan hasrat itu, satu majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dan penyerahan mock cek telah diadakan pada 4 April 2021 lalu.

Majlis ringkas tersebut menyaksikan UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly manakala pihak Perisind Samudra

pula diwakili oleh Pengarah Urusannya, Dato' Mohd Shafiee Mohd Sanip dan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Haji Ibrahim Ahmad.

Menurut Datuk Wahid, perjanjian ini diadakan bertujuan untuk membina kerjasama dalam bidang penyelidikan, sangkutan industri dalam kalangan staf dan pelajar serta aktiviti tanggungjawab sosial.

“Satu Jawatankuasa Kerja UTHM-PSSB telah diwujudkan bagi merancang, melaksana dan memantau segala aktiviti penyelidikan berkaitan ekonomi, pengangkutan, teknologi maklumat, analisis data raya dan pengurusan sisa dan alam sekitar menerusi persetujuan bersama.



“Penggunaan dana geran penyelidikan ini akan disalurkan kepada UTHM dan seterusnya diurus tadbir oleh Jawatankuasa Kerja UTHM-PSSB yang diwujudkan di bawah OASIS Integrated Group (OIG).

Dengan termeterainya kerjasama ini, pihak UTHM-PSSB juga turut mewujudkan sebuah makmal yang dinamakan ‘Perisind BizLab’ sebagai makmal industri di universiti ini,” katanya.

Tambah beliau, Jawatankuasa Kerja UTHM-PSSB akan menyelaras perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek dan aktiviti di bawah

Perisind BizLab, manakala Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM pula akan menyediakan fasiliti bagi penubuhan Perisind BizLab.

Kerjasama yang diadakan ini juga bertujuan untuk merealisasikan objektif perjanjian UTHM-PSSB iaitu untuk menyokong usaha melalui pelaksanaan inisiatif pembangunan dan penyelidikan *Green and Smart City* oleh PSSB bagi menuju ke arah bandar pintar menjelang tahun 2030.



Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly (Kanan), mengiringi Dato’ Mohd Shafie Mohd Sanip (Kiri), disaksikan oleh Dato’ Sri Haji Ibrahim Ahmad (Tengah) dan ahli Jawatankuasa UTHM dan PSSB ketika sesi penyerahan Mock Cek RM1 Juta dari PSSB kepada UTHM.



UTHM tubuh pusat servis kenderaan Uni-Tech Autoworks Solutions



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menubuhkan sebuah pusat servis kenderaan yang dinamakan Uni-Tech Autowork Solutions.

Pusat servis kenderaan yang dibiayai oleh FTK melibatkan kos permulaan sebanyak RM20 ribu ini telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 8 April 2021 lalu.

Sebagai sebuah universiti yang berteraskan Pendidikan Latihan dan Teknikal Vokasional (TVET), UTHM telah mengorak langkah untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam ilmu praktikal dengan menerapkan nilai-nilai psikomotor dan afektif kepada pelajar tanpa mengeneipkan ilmu kognitif.

Antara program yang terlibat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah Program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) di bawah kendalian FTK.

Justeru itu, penubuhan pusat servis kenderaan ini menjadi antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak universiti untuk memenuhi kriteria TVET tersebut.

Menurut Dekan FTK, Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor idea penubuhan ini telah dicetuskan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad dan telah direalisasi dengan kerjasama ramai pihak.

"Selain daripada kos yang kompetitif, beberapa pihak daripada industri juga telah terlibat dalam membekalkan produk yang akan digunakan di pusat servis ini.

Katanya lagi, perkhidmatan yang ditawarkan oleh UTHM ini secara tidak langsung akan memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar bagi melibatkan diri secara terus di dalam aktiviti penyelenggaraan dan pengujian kenderaan, dan secara langsung dapat



menyumbang kepada elemen psikomotor bagi sesi pembelajaran mereka.

“Alatan bengkel yang diguna pakai oleh pusat servis ini adalah alatan sama yang digunakan oleh pelajar dalam kelas amali mereka,” ujarnya.

Jelas Dr. Jumadi lagi, pusat servis ini menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan, pengujian prestasi kenderaan dan pengujian diagnosis kenderaan yang melibatkan pelajar dan dipantau oleh penolong jurutera.

“Antara tiga hasrat utama penubuhan pusat servis kenderaan kepada pelajar UTHM ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dengan mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah.

“Keduanya adalah untuk memupuk sikap keusahawanan di samping mencipta peluang pekerjaan.

“Ketiganya adalah untuk mengoptimumkan kepakaran staf dan pelajar UTHM melalui fasiliti sedia ada dengan memberikan khidmat kepada komuniti setempat,” katanya.

Dr. Jumadi juga menambah pihak fakulti berhasrat untuk terus mengembangkan lagi perkhidmatan pusat servis ini pada masa akan datang.

“Ketika ini operasi pusat ini dipantau oleh pihak universiti dalam tempoh setahun, hal ini adalah bagi memastikan projek yang dilaksanakan tercapai matlamatnya,” katanya.





Petugas barisan hadapan UTHM menjadi kumpulan pertama terima suntikan vaksin COVID-19



Kira-kira 28 petugas barisan hadapan dari Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi kumpulan pertama yang menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech.

Program vaksinasi yang mula dilaksanakan ini merupakan sebahagian daripada fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula pada 24 Februari lalu.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Wahid Razzaly menyeru warga kampus untuk terus membuat pendaftaran segera bagi mendapatkan suntikan vaksin mengikut jadual.

“Saya berharap semua warga kampus yang layak diberikan suntikan vaksin mendaftar segera bagi mendapatkan suntikan vaksin masing-masing seperti yang dijadualkan.

“Vaksinasi ini amat penting untuk kita semua bagi membentuk imuniti berkelompok (*herd*

immunity) dengan memastikan sekurang-kurangnya 85 peratus penduduk dewasa di Malaysia menerima vaksin.

Ini secara langsung dapat membendung penularan jangkitan COVID-19 ini daripada menjadi lebih parah,” katanya.

Untuk rekod, Malaysia kini berada dalam fasa pertama yang menyoar pemberian vaksin kepada 500,000 petugas barisan hadapan antara hujung Februari hingga April depan.

Manakala fasa kedua bermula April hingga Ogos depan melibatkan warga emas dan golongan berisiko tinggi dan fasa ketiga bermula pada Mei hingga Februari tahun depan melibatkan rakyat tempatan dan warga asing yang berumur 18 tahun ke atas.

FFTP terima pengiktirafan 'Low Carbon Cities Challenges 2030'



PUTRAJAYA – Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FFTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi fakulti pertama menerima pengiktirafan *Provisional Certificate Low Carbon Cities Challenges 2030* ketika berlangsungnya Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020 pada 6 April 2021 lalu.

Anugerah *Provisional Certificate* yang disampaikan oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man ini diberikan atas hasil usaha FFTP dalam menyahut cabaran mengurangkan pembebasan karbon di sekitar kawasan fakulti.

Menurut Dekan, Profesor Dr. Wan Fauzi @ Wan Fauziah Wan Yusoff, FFTP sangat komited memberi kesedaran kepada warganya untuk menjadi salah satu kawasan rendah karbon di UTHM menjelang 2030 bagi membantu mengatasi masalah perubahan iklim global.

"Visi FFTP menjelang 2030 adalah mempunyai sistem pengurusan *next-generation* dan pintar,

dengan ciri-ciri hijau bagi memudahkan pengurusan sisa, penggunaan tenaga dan penyerapan karbon.

"Manakala misi FFTP pula bertujuan untuk mencapai persekitaran pelepasan karbon sifar yang mana pelepasan karbon kurang daripada penyerapan karbon dengan menjaga dan memperbaiki persekitaran semula jadi dan mengurangkan pelepasan karbon," katanya.

Tambah beliau bagi menyahut cabaran rendah karbon 2030, FFTP telah menfokuskan kepada tiga komponen utama iaitu tenaga, sisa buangan dan lanskap.

"FFTP menasaskan pengurangan penggunaan tenaga dan sisa buangan sebanyak 15 peratus menjelang 2030 di samping akan menanam lebih banyak pokok di kawasan fakulti dengan sasaran sebanyak 100 pokok," ujarnya.



RPPS berjaya kumpul 1,373.3 kilogram barangan kitar semula pada tahun 2020



Hasil komitmen berterusan yang diberikan ahli, Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengumpul sebanyak 1,373.3 kilogram barangan kitar semula pada tahun 2020.

Menurut Ketua SIO Sisa dan Kitar Semula, Ts. Dr. Roslinda Ali jumlah kutipan bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding pada tahun sebelumnya.

Katanya faktor utama yang menyumbang kepada penurunan adalah disebabkan oleh penutupan kampus yang disebabkan pandemik Covid-19.

“Pihak kami berharap agar jumlah kutipan bagi tahun 2021 akan meningkat selaras dengan pembukaan semula kampus secara berperingkat bermula awal tahun ini.

Tambah Dr. Roslinda lagi, kertas campur merupakan jumlah terbesar yang dikutip iaitu sebanyak 1,083.6 kilogram (78.9%).

“Pihak kami juga dapat mengumpul plastik iaitu sebanyak 14.1%, kertas kotak 6.3% dan aluminium 0.7%.

“Barangan kitar semula yang terkumpul akan diambil oleh pihak SWM untuk dilupuskan dengan kaedah yang betul,” katanya.

RPPS yang berlokasi di kampus induk berfungsi sebagai sebuah pusat pengumpulan barangan kitar semula yang telah memulakan operasinya sejak tahun 2018.

Pusat yang diselenggarakan oleh Pejabat Kampus Lestari UTHM ini adalah merupakan usaha bersama pihak UTHM dan SWM Enviroment Sdn. Bhd. bagi memberi kesedaran dan menggalakkan warga kampus serta penduduk sekitar untuk melakukan pengasingan sisa di punca.

Pihak Pejabat Kampus Lestari turut menyeru warga kampus khususnya untuk melakukan pengasingan sisa di punca dengan kaedah yang betul dan menghantar sisa yang dikutip ke RPPS.

“Usaha ini penting agar UTHM dapat menunjukkan contoh yang baik dan menjadi ikon kepada penduduk sekitarnya dalam menguruskan sisa pepejal,” tambah Dr. Roslinda.



Dr. Norshuhaila terima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang KPT



Pensyarah dan penyelidik, Profesor Madya Ts. Dr. Norshuhaila Mohamed Sunar menjadi wakil tunggal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terpilih menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) 2019, Kementerian Pengajian Tinggi pada 7 Januari 2021 lalu.

Penerimaan anugerah tersebut berdasarkan sumbangan dan pencapaian cemerlang beliau dalam bidang penyelidikan, pengajaran dan penerbitan termasuk penglibatan di luar tugas rasmi.

Dr. Norshuhaila dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) antara lima penerima P.P.C. yang menerima pingat tersebut, yang disampaikan sendiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini Ahmad.

Menurut Dr. Norshuhaila, faktor kejayaan beliau didorong oleh usaha yang berterusan dan kerjasama yang baik daripada pasukan yang sentiasa menyokongnya di belakang.

"Saya sangat bersyukur dengan penerimaan pingat ini, kerana ia mengiktiraf sumbangan saya yang dilihat dari segi pelbagai aspek seperti kualiti interpersonal, pengurusan serta pentadbiran universiti, penerbitan, penyelidikan, pembangunan program baharu di Malaysia, kualiti penyeliaan, hubungan industri, perundingan, khidmat masyarakat, serta penglibatan dalam hala tuju strategik pembangunan staf dan pelajar.



"Selain itu, ia turut mengambil kira penglibatan aktiviti luar seperti sukan serta sumbangan sebagai Ketua Editor dan Lembaga Editor bagi beberapa jurnal antrabangsa yang terkemuka," katanya.

Terdahulu, selain P.P.C. beliau pernah meraih anugerah seperti Anugerah Inspirasi Cendekiawan, Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Penerbitan, Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Khas Insentif Naib Canselor (Kebangsaan), Anugerah Penyelidik Cemerlang serta Anugerah Alumni UTHM.

Menurut Dr. Norshuhaila, beliau juga aktif dalam bidang inovasi yang berasaskan kelestarian alam sekitar dengan kejayaan memperolehi lebih 50 pingat hasil kemenangan dalam pertandingan inovasi di pelbagai peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti SIIF Korea, ITEX, MTE dan BioMalaysia sejak tahun



2014.

“Malah kini, kecemerlangan inovasi ini turut dijadikan contoh dalam kalangan staf serta pelajar dan saya sentiasa berusaha untuk membantu mereka dalam menghasilkan kajian yang berkualiti serta berdaya saing tinggi.

“Hasil kajian penyelidikan itu juga telah berjaya menarik penglibatan pakar dari industri agar produk lebih bermanfaat kepada komuniti,” tambahnya lagi.

Untuk rekod, kepakaran dan penyelidikan beliau tertumpu kepada teknologi kejuruteraan bio-dalam sekitar sejak memperolehi ijazah falsafah kedoktoran (Ph.D) daripada University of Leeds, United Kingdom (UK) pada tahun 2011.

Lebih membanggakan beliau merupakan alumni UTHM dan telah memulakan perkhidmatan beliau di universiti ini sejak tahun 2003.

Menyingkap sumbangan beliau dalam akademik dan penyelidikan, Dr. Norshuhaila dan penyelidik bersama telah menerbitkan lebih 250 penerbitan dalam penerbitan utama jurnal, prosiding, penulisan teknikal, modul dan lain-lain penulisan ilmiah.

Selain itu beliau turut memperolehi keseluruhan sejumlah RM2.2 juta geran penyelidikan dari pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta turut menyelia 85 pelajar peringkat Ph.d, sarjana serta sarjana muda.

Selain sebagai Penyelidik Kanan di Institut Kejuruteraan Integrasi, Pusat Penyelidikan Tanah Lempur (RECESS) UTHM, Dr. Norshuhaila juga telah diberi kepercayaan oleh UTHM untuk melaksanakan beberapa pembangunan program Teknologi Kejuruteraan TVET mengikut spesifikasi kelayakan program ETAC serta MQA.

Antaranya dengan mengetuai pasukan pembangunan dua program pertama di Malaysia iaitu program Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan dan Sarjana Teknologi

Kejuruteraan sehingga mendapat pengiktirafan MQA.

Selain itu, beliau turut terlibat dalam pembangunan program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam.

Dr. Nurshuhaila juga telah menaikkan nama UTHM dengan pengiktirafan ETAC serta mewakili Malaysia dalam penanda aras *Sydney Accord 2017* di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini sejajar dengan pengalaman beliau selama 18 tahun serta telah mengajar lebih 60 kursus di pelbagai peringkat dan institusi.

Terkini, beliau terlibat dalam pembangunan program baharu bagi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan *Quest International University* dalam Jawatankuasa Pengajian dan Penasihat Akademik bagi bidang Teknologi Kejuruteraan Awam.

Sebagai Ketua Jabatan, beliau telah meletakkan staf serta pelajar sebaris dengan nama besar industri melalui pelbagai penglibatan kerjasama strategik, projek serta program bersama industri.

Ini dilihat melalui keberjayaan program kurikulum tidak hanya berteraskan pembelajaran di bilik kuliah sahaja, tetapi pelajar turut dinilai serta mengambil projek permasalahan dari industri.

“Ini telah membantu kemenjadian pelajar berkebolehan serta berdaya saing tinggi seiring dengan perkembangan terkini industri teknologi kejuruteraan, buktinya kini berlaku lonjakan kadar kebolehpasaran pelajar di fakulti saya,” ujarnya.

Dr. Norshuhaila berharap dapat mengekalkan prestasi cemerlangnya dalam memanfaatkan ilmu, pengalaman dan kepakaran beliau demi UTHM dan negara yang tercinta.

Profesor Madya Dr Nabilah Ibrahim dilantik sebagai Setiausaha Kehormat IEEE Malaysia Section 2021-2022



2021-2022 Executive Committee of IEEE Malaysia Section

No.	Portfolio	Committee
1.	Chair	Md Pauzi Abdullah (UTM)
2.	Past Chair	Fawzi Azmadi Hussin (UTP)
3.	Chair-Elect	Nordin Ramli (MIMOS)
4.	Honorary Secretary	Nabilah Ibrahim (UTHM)
5.	Honorary Treasurer	Nur Idora Abdul Razak (UiTM Shah Alam)
6.	Execom Members	Rosmiwati Mohd Mokhtar (USM)
7.		Nur Ashida Salim (UiTM Shah Alam)
8.		Haidawati Mohamad Nasir (UniKL)
9.		Aznilinda Zainuddin (UiTM Pasir Gudang)
10.	Auditor	Christopher Chew
11.	Auditor	Chong Yu Zheng (UTAR)

Profesor Madya Dr. Nabilah Ibrahim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik sebagai Setiausaha Kehormat IEEE Malaysia Section bagi tahun 2021-2022.

Pelantikan tersebut dibuat berdasarkan undian ahli ketika berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan Institute of Electrical and Electronic Engineers (IEEE) Malaysia yang diadakan secara dalam talian menggunakan platform Webex pada 6 Februari lalu.

Menurut Dr. Nabilah, beliau menganggap lantikan ini adalah satu tanggungjawab yang secara langsung akan menaikkan nama FKEE dan UTHM di peringkat kebangsaan.

"Saya berharap dengan kepercayaan yang diberikan untuk memegang jawatan Setiausaha Kehormat ini dapat meningkatkan lagi prestasi dan semangat kerjasama bersama rangkaian baru di luar fakulti dan universiti," katanya.

Turut dilantik sebagai ahli eksekutif IEEE sesi 2021-2022, Profesor Madya Ir. Dr. Md Pauzi Abdullah (UTM) sebagai Pengerusi, Profesor Madya Dr. Fawzi Azmadi Hussin dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) sebagai Bekas Pengerusi, Ir. Dr. Nordin Ramli dari Mimos Berhad sebagai Timbalan Pengerusi dan Dr. Nur Idora Abdul Razak dari Universiti Teknologi Mara (UiTM Shah Alam) sebagai Bendahari Kehormat.

Manakala lantikan empat ahli tugas eksekutif melibatkan Profesor Madya Ir. Dr. Rosmiwati Mohd Mokhtar dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Nur Ashida Salim dari UiTM Shah Alam), Profesor Madya Dr. Haidawati Mohamad Nasir dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Aznilinda Zainuddin dari UiTM Pasir Gudang.

Selain itu, dua juruaudit kewangan juga turut dilantik melibatkan Dr. Christopher Chew dan Mr. Chong Yu Zheng (UTAR).

IEEE merupakan satu badan profesional terkemuka di dunia yang dianggotai oleh para saintis, jurutera-jurutera dan penyelidik-penyelidik di bidang elektrik dan elektronik merangkumi institusi pendidikan tinggi serta industri.

Sehingga kini, keahlian IEEE di seluruh di dunia telah mencecah 450,000 ahli dari 160 negara. Selain dianggap sebagai satu platform pembelajaran dalam bidang kejuruteraan, IEEE juga menggalakkan dan menyokong aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang membantu orang ramai dari pelbagai segi termasuk khidmat sukarelawan membantu barisan hadapan dalam usaha menentang COVID-19.

Dr. Nabilah turut menzahirkan harapannya agar ramai lagi warga UTHM berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam badan-badan profesional di luar universiti seumpama ini sebagai satu saluran untuk menyumbang kepakaran masing-masing serta berbakti kepada masyarakat.

AGM PERKASA kali ke-12 disambut meriah, staf cemerlang terima anugerah



BATU PAHAT, 25 Mac 2021 – Persatuan Pensyarah dan Pengajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (PERKASA) melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali ke-12 dengan meriah apabila ahlinya yang telah mencipta kejayaan dan kecemerlangan turut diberi anugerah sebagai tanda penghargaan.

AGM yang berlangsung di Studio Pendidikan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional menyaksikan pemberian anugerah melibatkan tujuh kategori iaitu Anugerah Scopus, Anugerah Geran industri dan antarabangsa, Anugerah Komuniti dan kesukarelawan, Anugerah Media dan Anugerah Khas kepada staf akademik yang terpilih.

Presiden PERKASA, Profesor Dr. Yusri Yusof mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima dan beliau berharap anugerah ini mampu memberi semangat dan inspirasi

kepada semua ahlinya untuk lebih cemerlang pada masa akan datang.

Beliau dalam ucapannya turut menyatakan kesediaan PERKASA untuk sentiasa membantu pihak universiti dalam merancang kebajikan dan pembangunan staf.

“PERKASA sentiasa bersikap terbuka menerima pandangan dan kritikan yang membina demi memperjuangkan kebajikan staf,” tambahnya.

Sementara itu Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly pula merakamkan penghargaan atas keterlibatan PERKASA yang wujud sebagai “Check and Blance” dalam membantu pengurusan universiti dari aspek kebajikan dan pembangunan staf.

Tambah beliau kewujudan PERKASA sangat signifikan dalam satu-satu organisasi yang besar seperti UTHM, yang mana ahlinya dituntut untuk



sentiasa peka dengan perkembangan semasa bagi membantu menambah baik pengurusan universiti.

AGM pada tahun ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad.

Dato' Sri Ibrahim atau lebih mesra dengan panggilan "Pak Yem" menyatakan beliau sangat berbesar hati diundang oleh pihak PERKASA bagi merasmikan AGM kerana amat bertepatan dengan hasratnya yang ingin mendekati dan mengenali staf melalui persatuan.

Beliau dalam ucapannya sempat berkongsi tentang hasrat dan misi universiti serta turut berkongsi tentang perancangan universiti berkaitan penjenamaan beberapa fakulti supaya lebih dikenali dan seiring dengan kehendak industri.

Menurut beliau, UTHM perlu peka dengan tuntutan pasaran dan kehendak industri yang memerlukan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

"UTHM perlu menyusun strategi yang betul dan terancang bagi membentuk keberhasilan pelajar agar mereka mampu mendepani cabaran di alam pekerjaan," katanya.

Tambah beliau, pelajar di sesebuah universiti merupakan aset utama yang perlu dijaga, manakala pensyarahnya pula haruslah sentiasa bersedia meningkatkan ilmu dan kemahiran yang ada.

"Ini bagi memastikan UTHM dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan mendapat tempat di pasaran kerja," ujarnya.

Senarai penerima anugerah AGM 2021 :

Top 5 Scopus Author Science & Fakulti

1. PM. Ts. Dr. Aida Binti Mustapha-FAST
2. PM. Ir. Ts. Dr. Shahiron Bin Shahidan-FKAAB
3. PM. Ir. Ts. Dr. Al Emran bin Ismail -FKMP
4. PM. Ts. Dr. Mohd Khairul Bin Ahmad-FKEE
5. PM. Dr. Shahreen Binti Kasim-FSKTM

Non-science & Fakulti

1. Prof. Dr. Abdul Talib Bin Bon-FPTP
2. PM. Ts. Dr. Md Fauzi Bin Ahmad @ Mohamad- FPTP
3. PM. Dr. Abd Rahman Bin Ahmad-FPTP
4. Dr. Siti Sarah binti Omar-FPTP
5. Prof. Dr. Maizam binti Alias-FPTV

Anugerah Khas Geran Antarabangsa – Industri & Fakulti

1. PM Ts. Dr. Aeslina Binti Abdul Kadir-FKAAB
2. PM Ts. Dr. Mohd Fadzelly Bin Abu Bakar-FAST
3. Dr. Nadirul Hasraf Bin Mat Nayan-FTK
4. PM. Dr. Chan Chee Ming-FTK
5. Sr. Dr. Noralfishah Binti Sulaiman -FPTP

Anugerah Khas Komuniti & Fakulti

1. Ts. Dr. Nor Azizi Bin Yusoff-FKAAB
2. Prof. Madya Dr. Mohammad Sukri Bin Mustapa-FKMP

Anugerah Khas Penulisan Media & Fakulti

3. Prof. Dr. Ismail Bin Omar-FPTP

Anugerah Khas Inovasi & Fakulti

4. Ts. Dr. Suliadi Firdaus Bin Sufahani- FAST

Anugerah Khas PERKASA & Fakulti

5. Prof. Madya Ts. Dr. Zaidi Bin Embong-FAST

UTHM berjaya menghasilkan inovasi baharu produk berasaskan serat buluh.



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Penyelidikan Buluh (BambooRC), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berjaya menghasilkan inovasi baharu produk berasaskan serat buluh.

Menurut Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts Dr. Wahid Razzaly, inisiatif yang diambil oleh para penyelidik BambooRC ini bertujuan untuk memajukan lagi teknologi buluh sekali gus mempelbagaikan lagi aplikasi produk daripada serat bagi membuka peluang baharu sumber alternatif komoditi di Malaysia.

Tambah beliau, UTHM memberi penekanan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan produk hiliran serat bagi menjamin kelestarian keluaran ladang kerana hasil akhir produk ini mampu memberi pulangan ekonomi yang lebih tinggi berbanding serat mentah.

"Hasil usaha UTHM ini memungkinkan institusi ini mampu menjadi salah satu pusat pemrosesan serat terbaik di negara ini.

"Bagi menjayakan misi ini UTHM turut menjalinkan kerjasama strategik bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) serta institusi penyelidikan dan pemain industri buluh tempatan yang lain," katanya.

UTHM juga telah menganjurkan Persidangan Industri Buluh Kebangsaan yang bertemakan 'Memperkasa Teknologi dan Inovasi Buluh Negara' pada 30 Mac lalu bagi membuktikan bahawa hubungan kepakaran telah terbentuk antara UTHM dengan pemegang taruh industri buluh negara, khususnya bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).



Selaras dengan objektif persidangan, rancangan lima tahun pelan strategik pembangunan ekosistem pengeluaran serat buluh bagi universiti ini bermula dari sektor perladangan buluh seluas hampir satu hektar, sehingga penghasilan produk hiliran daripada aplikasi serat buluh seperti penebat bunyi dan haba, penapisan, produk lanskap, bahan binaan bangunan, *geotextile* dan produk tekstil.

Persidangan yang diadakan di UTHM kampus cawangan Pagoh itu telah disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau dalam ucapannya berkata memandangkan potensi tanaman komoditi ini bernilai tinggi, buluh telah diluluskan sebagai salah satu spesies di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bagi kawasan empat hektar dan ke atas.

Beliau turut mengumumkan KPPK melalui MTIB telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk pelaksanaan Program Komuniti Agrikomoditi Buluh.

“Program ini akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun iaitu bermula pada tahun ini sehingga 2025,” katanya.

Tambahnya lagi, kementerian bersama agensi-agensi seperti MTIB dan LKTN akan terus memberi galakan dan insentif kepada industri dan universiti terutama UTHM untuk terus maju ke hadapan sehingga sasaran menjadikan serat buluh sebagai sumber alternatif komoditi di Malaysia tercapai.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Haji Ibrahim Ahmad; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Mohd Kheiruddin Mohd Rani; Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Mohd Fadzhel Mohd Nasir; ADUN Bukit Pasir, Haji Najib Lep; Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa dan Dekan FTK, Prof Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor.





UTHM rangkul 10 pingat dan 1 anugerah khas di MTE 2021



MTE 2021
Malaysia Technology Expo
The International Expo on Innovation and Technology

VIRTUAL EVENT
22-26 March 2021

Celebrating
20th
Anniversary

Concurrent Events

- Innovation Awards Programme 2021
- Future Edtech 2021
- Innovation Marketplace 2021
- Malaysia-Croatia Technology Exchange 2021

www.mte.org.my | [#mte2021virtual](https://twitter.com/mte2021virtual)

BATU PAHAT – Sekumpulan penyelidik yang juga pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mengharumkan nama universiti apabila berjaya merangkul 10 pingat dan satu Anugerah Khas ketika menyertai *Malaysia Technology Expo 2021* (MTE 2021) yang berlangsung pada 22 hingga 26 Mac lalu secara maya.

Menurut Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Profesor Madya Ts. Dr. Norzila Othman, daripada 10 penyertaan yang dipertandingkan, UTHM berjaya meraih empat pingat emas, lima perak, satu gangsa dan satu anugerah khas.

Katanya lagi antara empat pingat emas yang dimenangi, dua daripadanya adalah menerusi produk inovasi dalam kategori 'Building' iaitu 'EcoSEA Concrete Block' yang diketuai oleh Dr. Nurazuwa Md. Noor dan 'PERFORMA.My-A Smart Diagnostic Tool For Measuring Project

Performance' diketuai oleh Prof. Madya Dr. Md. Asrul Nasid Masrom.

Selain itu bagi kategori 'Education Technology & Pedagogy', penyelidik Ts. Mohd Hatta Mohamed Ali @ Md Hani telah memenangi emas menerusi produk 'ADIK ADIK SOLAT 2.0 3D AR : The Development of Augmented Reality Mobile Learning Apps to Enhance Learning Experience in Prayer Towards Education 4.0'.

Manakala kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noran Azizan Cholan meraih kejayaan berganda apabila mereka bukan sahaja memenangi pingat emas, malah turut menerima anugerah khas daripada *Indonesian Invention & Innovation Promotion Association* (INNOPA) menerusi produk 'Portable All-Optical Radio Frequency (AORF) Signal Generator' bagi kategori 'Telecommunications, Infrastructure and Broadcast'.



Pameran maya anjuran *PROTEMP Group* ini dibuka secara rasmi pada 22 Mac lalu oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin manakala penutupnya pula disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 26 Mac lalu secara maya.

MTE 2021 merupakan platform bagi para penggiat inovasi, pereka dan usahawan untuk mempamerkan penemuan, idea, prototaip, produk dan reka bentuk terkini mereka kepada pelabur, pengeluar, pengedar dan pemasar di Asia.

Pameran kali ke-20 ini mendapat sokongan penuh daripada ramai pihak antaranya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian

Pelajaran Malaysia dan Persatuan Persekutuan Pencipta Antarabangsa (IFIA).

Turut diberikan Anugerah Penciptaan dan Inovasi yang memberi penghargaan kepada para pencipta, inovator dan penyelidik dalam pelbagai kategori.

"ICC mewakili UTHM mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua penyelidik yang menyertai MTE 2021.

"Penyertaan pada kali ini mencatat rekod tersendiri apabila jumlah emas yang diterima oleh UTHM meningkat berbanding cuma satu pingat emas pada tahun lalu," tambah Dr. Norzila.

**Special and Best Awards - 1
(Indonesian Invention & Innovation Promotion Association) (INNOPA)**

Innovators	Award Sub Category	Title of Entry
Prof. Madya Dr. Noran Azizan Bin Cholan	Telecommunications, Infrastructure & Broadcast	Portable All-Optical Radio Frequency (AORF) Signal Generator

Gold Awards - 4

Innovators	Award Sub Category	Title of Entry
Prof. Madya Dr. Noran Azizan Bin Cholan	Telecommunications, Infrastructure & Broadcast	Portable All-Optical Radio Frequency (AORF) Signal Generator
Dr Nurazuwa Binti Md Noor	Building	EcoSEA Concrete Block
Ts. Mohd Hatta Bin Hj Mohamed Ali @ Md Hani	Education Technology & Pedagogy	ADIK ADIK SOLAT 2.0 3D AR : The Development of Augmented Reality Mobile Learning Apps to Enhance Learning Experience in Prayer Towards Education 4.0
Prof. Madya Dr. Md. Asrul Nasid Bin Masrom	Building	Performa.my- A Smart Diagnostic Tool For Measuring Project Performance

Silver Awards - 5

Innovators	Award Sub Category	Title of Entry
Dr. Nor Afzanizam Bin Samiran	Protection of the Environment, Energy, Water, Wastewater, Sanitation & Green Technology	Green Technology of High-H ₂ Syngas (HH ₂ S) Flame in a Premixed Swirl Burner System
Ts. Dr. Omar Mohd Faizan Bin Marwah	Agriculture, Livestock & Horticulture, Aquacultures & Fisheries	PINEXRI IOT SMART FARMING SOLUTION
Dr. Nadirul Hasraf Bin Mat Nayan	Healthcare, Personal Care Technology, Biotechnology and Life Sciences	BROXCOD: MD2 PINEAPPLE BROMELAIN LOZENGES AS A POTENTIAL IMMUNOBOOSTER FOOD SUPPLEMENT
Ts. Dr. Mohd Nazrul Bin Roslan	Machinery, Equipment and Tools (Heavy equipments, Industrial machinery)	Bamboo Fiber Extraction Machine (BfEM)
Ts. Dr. Tee Tze Kiong	Education Technology & Pedagogy	Thinking Style and Inventive Problem Solving Skill Module for Primary School



Bronze Awards - 1

Innovators	Award Sub Category	Title of Entry
Prof. Madya Dr. Nabilah Binti Ibrahim	Healthcare, Personal Care Technology, Biotechnology and Life Sciences	Mobile ColoReco





UTHM raih 25 pingat dan 1 anugerah khas di EREKA 2021



BATU PAHAT – Kumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meraih kejayaan yang membanggakan apabila berjaya membolot 25 pingat dan 1 anugerah khas ketika menyertai Ekspo Maya Rekacipta dan Pameran Penyelidikan (EREKA 2021) anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Ekspo Rekacipta yang berlangsung bermula pada 18 Januari hingga 18 Februari lalu diadakan secara maya berikutan negara masih dibelenggu dengan penularan pandemik Covid-19.

UTHM berjaya meraih 13 pingat emas dan 12 pingat perak bersama satu anugerah khas menerusi projek *Municipal Solid Waste Polymer Composites (M-PoCs)*.

Kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Ts. Dr. Noraini Marsi menarik nafas lega apabila mereka bukan sahaja meraih pingat emas, malah berjaya mendapat pengiktirafan anugerah khas dalam kategori *Chemical, Advanced Material and Plastic*.

Majlis perasmian penutup EREKA 2021 yang diadakan secara langsung menerusi pautan 'facebook live' telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP, Profesor Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad bertempat di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP.

Menurut beliau matlamat utama penganjuran EREKA 2021 adalah untuk mengetengahkan produk-produk penyelidikan dari semua institusi pendidikan yang memiliki nilai perkomersilan serta mampu menarik perhatian industri dan komuniti untuk pasaran di dalam dan luar negara.

"UniMAP selaku penganjur melahirkan rasa syukur kerana ekspo ini mendapat penyertaan yang amat menggalakkan pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelum.

Seramai 267 penyelidik dari pelbagai institusi pendidikan seluruh negara telah terlibat dan mereka diadili oleh 39 orang juri dari pelbagai bidang akademik dan industri," katanya.



FULL RESULTS EREKA 2021 (UTHM)

NO.	LIST OF PARTICIPANTS	FACULTIES (UniMAP participant only)	COE (UniMAP participant only)	OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS	NAME OF INVENTION / INNOVATION PRODUCT	CLUSTERS	MEDALS	SPECIAL AWARD
1	Ts. Dr. Noraini Binti Marsi Ts. Dr. Nor Mazlana Binti Main Muhamad Mohshein Bin Hashim Khairul Nizam Bin Mustafa Dr. Mimi Suliza Binti Muhamad			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	MUNICIPAL SOLID WASTE POLYMER COMPOSITES (M-PoCs)	CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC	GOLD	SPECIAL CATEGORY AWARDS CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC
2	Dr Mimi Suliza Muhammad, Nurul Nadia Rudi, Ts. Dr Lee Te Chuan			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	MUSKMELON PEELS BIOETHANOL (MPB) AS BIOFUEL	BIOTECHNOLOGY, MEDICAL DEVICE, PHARMACEUTICALS & HEALTH	GOLD	
3	Nurul Farahin Binti Mohd Joharudin, Dr. Noradila Binti Abdul Latif, Pm. Dr. Mohammad Sukri Bin Mustapa, Dr. Nur Azam Bin Badaruzaman, Ts. Dr. Zamri Bin Noranal, Nur Zaha Binti Hassan, Aiman Bin Supawi, Muhammad Syamir Bin Abu Bakar			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	INNOVATION OF RICE HUSK SILICA (RHS) AS REINFORCEMENT ON IMPROVING PROPERTIES OF METAL COMPOSITE	CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC	GOLD	
4	Dato Prof. Ts. Dr. Mohd Idrus Haji Mohd Masirin (Malaysia), Dr. Ahmad Sulaiman Bader Ali (Libya), Dr. Nura Usman (Nigeria), Pm Ts. Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim (Malaysia), Pm Ts. Dr. Adnan Zainorabidin (Malaysia), Ir. Ts. Dr. Raha Abdul Rahman (Malaysia), Ir. Dr. Sri Wiwoho Mudjanarko (Indonesia), Dr. Muhammad Ikhwan Setiawan (Indonesia)			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	REPOMIX-B: Water-proof Bituminous Material For Road Maintenance	CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC	GOLD	
5	Muhammad Shukri Bin Ahmad, Aziman Bin Madun, Samsul Haimi Bin Dahlan, Mohd Zainizan Bin Sahdan, Mohammad Ikhmal Siddiq Bin Jefri Din, Tengku Nadzlin Bin Tengku Ibrahim, Ahmad Alabqari Bin Ma'Radzi, Radzi Bin Ambar			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	KOOMBOT - Knowledge Oriented education Machine & roBOT	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	GOLD	
6	Ts Dr Affero Ismail, Ts Ida Aryanie Bahrudin, Assoc Prof. Dr. Noor Azah Samsudin, Muhammad Adli Zainal, Muhammad Fazulhelmi Ahmad			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	Aedes Eliminator: 3D Game Learning Innovation for Public Awareness	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	GOLD	
7	Muhammad Faizal Bin Mostaffa, Ts. Sharifah Meryam Binti Shareh Musa, Ap. Dr Rozlin Zainal, Ts. Ap Dr Narimah Bt Kassim & Dr. Hamidun Bin Mohd Noh			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	E-SPAH: AESTETIC INNOVATION IN UTHM'S SMALL SCALE RAINWATER HARVESTING SYSTEM	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	GOLD	

NO.	LIST OF PARTICIPANTS	FACULTIES (UniMAP participant only)	COE (UniMAP participant only)	OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS	NAME OF INVENTION / INNOVATION PRODUCT	CLUSTERS	MEDALS	SPECIAL AWARD
8	Wee Yun Nee, Ts. Dr. Ahmad Fateh Bin Mohamad Nor			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	Prediction of Rooftop Photovoltaic Power Generation Using Artificial Neural Network (ANN) And Graphical User Interface (GUI)	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	
9	Ts Dr Muhammad Fikri Bin Hasmori (Leader) - UTHM, Ts Dr Rafikullah Deraman - UTHM, Dr Mohd Haniffi Othman A€ UTHM, Ts Dr Sasitharan Nagapan - UTHM, Prof Madya Sr Dr Ilias Said - USM.			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	SAFE EVAC - Integrated Real-time Building Evacuation App for Fire Emergency	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	
10	Dr. Khairul Anuar Mohamad, Mr. El-Farabi Razali, Mr. Izzat Zainol, Ms. Nurul Haziqah Zaifuddin, Ts. Julkifli Awang Besar, Dr. Mohammad Syahmi Nordin, Dr. Afifah Alias, Assoc. Prof. Dr. Nafarizal Nayan			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	A Cloud based Solution for an Integrated Smart Docket System	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	
11	Mrs. Zarina Tukiran, Dr. Siti Hajar Aminah Ali, Dr. Marlia Morsin, Assoc. Prof. Dr. Siti Zarina Mohd. Muji, Mrs. Munirah Ab Rahman, Dr. Nor Hafizah Ngajikin, Dr. Herdawatie Abdul Kadir			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	sayaHadir apps: A Smart Offline Attendance Recording Application	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	
12	Wan Noor Afifah Wan Ahmad, Ts. Dr. Suliadi Firdaus Sufahani, Ts. Dr. Mohd Fahmy Abdullah, Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar, Dr. Nadirul Hasraf Mat Nayan, Dr. Siti Fatimah Zaharah Mohamad Fuzi, Mr. Hadfi Abdul Halim, Mr. Abdul Hakim Alias			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	New Fundamental Theory In Solving The Royalty Payment Problem With Sufahani-Ahmad-Newton-Golden-Royalty Algorithm	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	
13	Ts. Dr. Suliadi Firdaus Sufahani, Ts. Dr. Mohd Fahmy Abdullah, Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar, Dr. Nadirul Hasraf Mat Nayan, Dr. Siti Fatimah Zaharah Mohamad Fuzi, Mr. Hadfi Abdul Halim, Mr. Abdul Hakim Alias, Mr. Mohd Helmy Abd Wahab			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	Malaysian Secondary Boarding School Menu Planning System With Post-optimality Process	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	GOLD	



FULL RESULTS EREKA 2021 (UTHM)



NO.	LIST OF PARTICIPANTS	FACULTIES (UniMAP participant only)	COE (UniMAP participant only)	OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS	NAME OF INVENTION / INNOVATION PRODUCT	CLUSTERS	MEDALS	SPECIAL AWARD
14	Dr Furzani Pa'ee, Dr Siti Fatimah Sabran, Dr Nor Atiqah Norazimi, Nur Adibah Hassan, Nur Hamizaton Nabillah Tajudin			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	STEM EDUKIT: NATURAL-BASED WATERCOLOURS	BIOTECHNOLOGY, MEDICAL DEVICE, PHARMACEUTICALS & HEALTH	SILVER	
15	Nur Zaha Hassan, Mohamed Nasrul Mohamed Hatta, Dr Nurazam Badarulzaman, Pm Dr Mohammad Sukri Mustapa, Dr Noradila Abdul Latif, Nurul Farahin Mohd Joharudin			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	CARBON FOAM FROM NATURAL SOURCES FOR OIL ADSORPTION	CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC	SILVER	
16	Raden Mohd Farhan Helmy Bin Raden Ismail, Nur Arinie Waheda Binti Shamsul, Mohd Akmal Bin Rohiat, Dr. Mohd Zulfadli Bin Rozali, Muhammad Safuan Bin Abdul Latip			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	The Development of Energy Bar Products for Athlete Using Sunnah-Based Food Ingredients	FOODTECH & AGRICULTURE TECHNOLOGY	SILVER	
17	Ts. Dr. Norfazillah Binti Talib, Nor Athira Binti Jamaluddin, Mohamad Hafiz Akmal Bin Suhimi, Tan Kai Sheng, Dr. Amirul Sahab Bin Abdul Sani			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	BIODEGRADABLE NANOFLUIDS FORMULATED FROM JATROPHA OIL BLENDED WITH BAMBOO ACTIVATED CARBON NANOPARTICLES FOR MACHINING APPLICATION	MACHINERY & EQUIPMENT	SILVER	
18	Ts Dr Amirul Syafiq Bin Sadun (Ketua), Ts. Dr. Azrin Hani Binti Abdul Rashid, Ts. Dr. Hairulazwan Bin Hashim, Mohammad Firman Shah Bin Slamet & Mohamad Syazani Bin Hamzah			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	MR LAUNCHER: AN IMPROVED MOBILE RUGBY BALL LAUNCHER FOR INDOOR TRAINING PURPOSES	MACHINERY & EQUIPMENT	SILVER	
19	Ts Dr Amirul Syafiq Bin Sadun (Ketua), Ts. Dr. Azrin Hani Binti Abdul Rashid, Ts. Dr. Hairulazwan Bin Hashim, Mohammad Firman Shah Bin Slamet & Mohamad Syazani Bin Hamzah			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	MR CATCHER: AN IMPROVED MOBILE RUGBY BALL CATCHER FOR INDOOR TRAINING PURPOSES	MACHINERY & EQUIPMENT	SILVER	
20	Pm. Ts. Dr. Narimah Kasim Pn. Misriyanti Saikah Pm. Dr. Rozlin Zainal Pm. Sr. Dr. Rosilah Kasim Ts. Sharifah Meryam Shareh Musa Dr. Hamidun Mohd Noh			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	SMART STEEL FRAME HOME	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	SILVER	
21	Dr. Edie Ezwan Bin Mohd Safian, Ts. Mat Tawi Yacob, Gs. Dr. Burhaida Burhan & Associate Professor Dr. Mohd Lizam Mohd Diah			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	CUE-i: Community-university Engagement Index	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	SILVER	
22	Pm. Sr Ts Dr Mustafa B Anjang Ahmad, Sr Dr Nazirah Bt. Mohamad Abdullah, Sr Dr Anuar B. Mohd. Salleh, Sr Saifullizan B. Mohd. Bukari, Sr Abd. Sukor B. Sarif, Sr Khairul Nizam B. Mohd. Yunus			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	SYSCAMP - Sistem Pengurusan Peserta Kem Geomatik	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	SILVER	

NO.	LIST OF PARTICIPANTS	FACULTIES (UniMAP participant only)	COE (UniMAP participant only)	OTHER HIGHER LEARNING INSTITUTIONS	NAME OF INVENTION / INNOVATION PRODUCT	CLUSTERS	MEDALS	SPECIAL AWARD
23	MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD (Leader), MOHAMMAD KAMARULZAMAN BIN ALI (Member), YUNOS BIN NGADIMAN (Member), AHMAD NUR AIZAT BIN AHMAD (Member), NORHADILAH BINTI ABDUL HAMID (Member), NOR AIDA BINTI ABDUL RAHMAN (Member), SPC KIT 2.0 FOR Smes			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	SPC KIT 2.0 FOR SMEs	SOCIAL SCIENCE, BUSINESS & TEACHING INNOVATION	SILVER	
24	Farah Sakinah Binti Ismail, Ts. Dr. Alias Bin Masek, Nur Nadia Natasha Binti Mohd Wahidi			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	AUTOMATIC TEMPERATURE CONTROL SYSTEM FOR GRAY OYSTER MUSHROOM BLOCK STEAMER	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	SILVER	
25	Juliana Mohamed, Muhammad Arif Najmi Sabri, Muhammad Nazri Nazir Mohd Nizar, Wan Muhammad Amry Haikal Wan Abdullah, Ts. Ida Aryanie Bahrudin, Ts. Mohd Hatta Mohamed Ali @ Md Hani, Mariam Abdul Hamid & Muhamad Hanif Jofri			UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	MY MOTOR - Argumented Reality Application Development about Basic learning of Motorcycle Machine towards Education 4.0	DIGITAL TECHNOLOGY, ELECTRONICS & IOT's	SILVER	

Aktif dalam penyelidikan kelestarian alam sekitar, Aeslina terima anugerah TRSM



Tahniah

Prof. Madya Ts. Dr. Aeslina binti Abdul Kadir
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina
di atas kejayaan memperolehi anugerah

2020 Top Research Scientists Malaysia
Academy of Science Malaysia

AKADEMI SAINS MALAYSIA **TRSM** TOP RESEARCH SCIENTISTS MALAYSIA

Ikhlas daripada
YBhg. Naib Canselor, Kepimpinan & Seluruh Warga UTHM

UTHM Produces Professionals  UTHM Johor  "With Wisdom We Explore"

Profesor Madya Dr. Aeslina Abdul dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) antara 30 penyelidik yang menerima pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2020* berdasarkan pencapaian cemerlang dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Pengiktirafan yang mula dilancarkan pada tahun 2012 itu diberikan setiap tahun kepada penyelidik tempatan yang aktif menjalankan penyelidikan dalam bidang STI dan hasil kajian mereka mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dr. Aeslina merupakan seorang pakar dalam bidang kitar semula sisa, pengurusan sisa dan rawatan air sisa ke arah kelestarian.

Penyelidikan dan Sumbangan Kepada Umum

Menyingskap penglibatan dan sumbangannya, anak jati kelahiran Batu Pahat ini mula aktif

dalam bidang penyelidikan ketika beliau melaksanakan projek mengitar semula puntung rokok sebagai bahan binaan semasa pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Australia. Hasil penyelidikannya yang berimpak tinggi itu telah dipaparkan dalam majalah *The American Society of Civil Engineering Magazine*.

Semangat untuk meneruskan usaha murni dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia mula membara setelah memikirkan walaupun sejumlah sampah yang kecil saiznya seperti puntung rokok sekalipun dapat menyumbang kepada berjuta tan bahan cemar berbahaya kepada dunia.

Perkara tersebut mendorong beliau untuk menawarkan alternatif lain yang lebih komprehensif serta mencadangkan jalan penyelesaian yang sesuai untuk menguruskan sampah secara efisien. Pada masa yang sama juga, beliau turut mengambil kira semua implikasi pencemaran alam sekitar yang mendukung



ke arah pembangunan ekonomi pekeliling di dalam masyarakat (towards circular economy society.)

Penyelidikan beliau merangkumi pelbagai jenis sisa dan atas kapasiti kepakarannya itu, beliau telah dilantik sebagai pakar perunding untuk menjalani penyelidikan dan menyelesaikan isu pengurusan sisa di beberapa industri tempatan seperti Malaysia Mosaics, Taiko Premier Bleach, Bina Kuari dan Hap Seng Clay Products.

Selain itu, beliau juga terlibat sebagai salah seorang ahli panel dalam perbincangan pindaan Enakmen Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 pada tahun 2015, yang membantu dalam pembentukan garis panduan khusus untuk mengitar semula sisa menjadi bahan binaan di Malaysia. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia juga telah melantik beliau sebagai pakar penceramah sejak tahun 2014 untuk kursus sisa pepejal bagi semua pihak berkuasa berkaitan yang terlibat dalam pengurusan sisa di Malaysia.

Bukan itu sahaja, menyedari tanggungjawabnya untuk mendidik masyarakat, Dr. Aeslina juga telah mengkomersialkan inovasi teknologi kitar semula iaitu *Smart Recycle Bin (SRB)* hasil kerjasama dengan SWCorp untuk memudahkan proses kitar semula sampah dijalankan.

Teknologi tersebut merupakan produk alternatif untuk memperkasakan perilaku rakyat Malaysia dalam mengitar semula sampah melalui sistem ganjaran automatik untuk menggantikan sistem manual kitar semula sedia ada. Produk yang dikomersialkan ini telah mendapat maklum balas positif daripada pihak kerajaan, majlis perbandaran dan pihak industri mengenai fungsinya yang mampu meningkatkan peratusan kitar semula. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan dengan lebih lanjut untuk menjadikan produk tersebut lebih kompetitif di pasaran.

Dr. Aeslina juga memainkan peranan penting dalam program pemindahan ilmu pengkomposan sejak tahun 2013 lagi di bawah dua geran penyelidikan Program Pemindahan Ilmu (KTP) (2013 dan 2019) yang melibatkan hampir 50 sekolah di Malaysia. Projek yang telah dilaksanakan juga telah diiktiraf sebagai program empat bintang daripada *University to Society (U4S)* pada tahun 2019 dan 2020. Rentetan itu, beliau bekerjasama dengan

Institute for Global Environmental Strategies (IGES), Jepun untuk projek yang sama dan hasil kerjasama ini membolehkan beliau memperoleh geran antarabangsa daripada *International Sumitomo Foundation Grant* di Jepun. Projek ini juga telah diiktiraf sebagai program empat bintang daripada *University to Society (U4S)* pada tahun 2019 dan 2020.

Baru-baru ini beliau juga telah dilantik oleh *National Institute for Environmental Studies (NIES)* dan *Mitsubishi UFJ Research and Consulting (MURC)* Jepun sebagai ketua projek untuk mewakili Malaysia dalam projek *Integrated Decentralized Domestic Wastewater Management* di Asean yang turut melibatkan sembilan buah negara termasuk Malaysia, Kemboja, Brunei, Laos, Myanmar, Thailand, Vietnam, Filipina dan Indonesia.

Melalui projek ini, beliau berpeluang untuk menghadiri latihan di Jepun untuk *Capacity Building Training for Policy Dialogue and Network Building of Multi-Participant Stakeholders on Integrated Domestic Wastewater Management in Asean countries* dan dijemput menghadiri *Policy Dialogue and Network Building of Multi-stakeholders on Integrated Decentralized Domestic Wastewater Management in ASEAN countries* di Indonesia pada bulan Januari dan September 2020 lalu.

Melalui projek ini juga, beliau berjaya menjalin hubungan baik dan kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium (IWK) ke arah dasar yang lebih baik mengenai pengurusan air sisa di Malaysia.

Sebagai kesinambungan kepada projek ini, beliau telah dianugerahkan dengan satu lagi geran antarabangsa daripada *International Sumitomo Foundation Grant* dari Jepun. Oleh kerana beliau ingin memainkan peranan yang lebih penting bersama dengan universiti lain di Malaysia, beliau telah menjadi penggerak bersama dengan ahli fakulti untuk mengajukan permohonan bagi membolehkan FKAAB UTHM dilantik sebagai Penilai Pihak Ketiga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



Ikon Penyelidik UTHM

Untuk rekod, pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Kejuruteraan Awam dari *RMIT University*, Melbourne, Australia ini adalah seorang Teknologis Profesional (Ts) dan panel bagi Majlis Akreditasi Teknologis dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan ahli kepada Persatuan Sisa Pepejal Antarabangsa (ISWA), Persatuan Air Antarabangsa (IWA), Persatuan Jurutera Antarabangsa (IAENG) dan juga ahli Institut Penyelidikan dan Penerbitan Kejuruteraan (IFERP).

Manakala di peringkat nasional pula, beliau turut bergiat dalam Persatuan Pengurusan Sisa dan Alam Sekitar Malaysia (MSWME), Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (MySET), Persatuan Konkrit Malaysia (CSM) dan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia Masyarakat (MyRIS).

Di peringkat universiti, beliau merupakan Felo Penyelidik yang aktif di Pusat Penyelidikan Micropollutant (MPPRC) dan Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech), Universiti Malaysia Perlis.

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada, anak bongsu daripada tiga adik beradik ini telah menerbitkan lebih 100 penerbitan termasuk prosiding, jurnal, buku dan modul

sebagai penulis utama dan penulis bersama dengan H-index 13. Sehingga kini, beliau bertindak sebagai ketua penyelidik untuk memperoleh geran penyelidikan yang bernilai hampir RM2 juta dan mengetuai sesi konsultasi bernilai lebih dari RM 300 ribu di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dr. Aeslina bersama pasukan penyelidiknyanya juga telah memenangi sehingga 45 pingat (pingat khas, emas, perak dan gangsa) untuk pertandingan produk inovatif yang berjaya mendapatkan tiga paten dan 11 hak cipta. Beliau turut bergiat aktif sebagai ucap tama dan penceramah jemputan dalam 34 persidangan, forum dan seminar antarabangsa.

Perkara yang amat membanggakan sepanjang kariernya adalah beliau pernah menerima 13 anugerah daripada UTHM antaranya Anugerah Staf Cemerlang, Anugerah Penulisan Cemerlang, Pegawai Perhubungan Industri Cemerlang dan Anugerah Ikon Penyelidikan pada tahun 2019.

Semua kerja-kerja penyelidikan dan sumbangan profesional yang dilakukan oleh beliau adalah hasil daripada kerja kerasnya untuk menghubungkan titik-titik penyelesaian bagi masalah pencemaran yang kian berleluasa agar dapat membantu ke arah pembentukan masyarakat yang lebih lestari.



Jayakan pelbagai aktiviti pengantarabangsaan, Dr. Ramlee terima anugerah TRSM 2020

Tahniah

Prof. Madya Dr. Muhammad Ramlee bin Kamarudin
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
di atas kejayaan memperolehi anugerah
2020 Top Research Scientists Malaysia
Academy of Science Malaysia

AKADEMI SAINS MALAYSIA TRSM
Ikhlas daripada
YBhg. Naib Canselor, Kepimpinan & Seluruh Warga UTHM

UTHM Produces Professionals | UTHM Johor | UTHM TV

"With Wisdom We Explore"

Profesor Madya Dr. Ramlee Kamarudin dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) 2020 berdasarkan pencapaian cemerlangnya dalam aktiviti penyelidikan dan pengantarabangsaan

Beliau yang merupakan pensyarah dan penyelidik dari Jabatan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) antara 30 penyelidik Malaysia yang menerima pengiktirafan itu ketika diumumkan Januari lalu.

Menurut Dr. Ramlee, faktor kejayaan beliau didorong oleh usaha yang berterusan dan sikap yang suka menerima cabaran.

Pelbagai aktiviti pengantarabangsaan yang telah diceburinya sebelum ini menjadi pemangkin dan motivasi dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan beliau.

"Saya telah menerima pelbagai geran antarabangsa seperti Erasmus+, Global

Challenges Research Fund dan AUN-SEED yang membolehkan pelbagai rangkaian dan jaringan kerjasama dalam pengajaran dan penyelidikan dapat dilakukan dengan penyelidik-penyelidik dari institusi dan industri luar negara seperti di Jepun, United Kingdom, Poland, Perancis, India, Australia, dan Indonesia.

"Saya juga turut melawat dan menjadi *visiting researcher* di beberapa universiti terkemuka dunia seperti *University of California Los Angeles, USA, Penn State University, USA, RMIT University, Australia, Silesian University of Technology, Poland, NYU, New York, USA, University of Rennes 1, France, TU Delft, Holland, Tokyo Institute of Technology, Japan* dan *Queen Mary University London, UK*," katanya ketika berlangsung sesi TRSM Induction pada 18 Mac lalu.

Kepakaran dan penyelidikan beliau tertumpu kepada pembinaan dan rekabentuk antena sejak memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) daripada *University of Birmingham, United Kingdom (UK)* pada tahun 2008.



Sebelum menyertai UTHM pada Mei 2019, beliau merupakan Pensyarah Kanan di *Centre for Electronic Warfare, Information and Cyber, Cranfield Defense and Security, Cranfield University, UK* dan Profesor Madya di *Wireless Communication Centre, Universiti Teknologi Malaysia*.

Menyingkap sumbangannya dalam akademik dan penyelidikan, Dr. Ramlee dan penyelidik bersama yang terdiri daripada pelajar pra dan pasca-siswazah telah menerbitkan lebih 250 penerbitan in *leading journals and international proceedings* seperti *IEEE Transaction on Antennas and Propagation, IEEE Antennas and Wireless Propagation Letter, IEEE Antenna Magazine* dan *IEEE Access*. Hasil penerbitan ini telah melayakkan beliau memperolehi *Web of Science H-Index = 22* dan *SCOPUS H-Index = 27*.

Manakala pencapaian beliau dalam aspek sitasi juga amat membanggakan kerana Dr. Ramlee berada dalam kelompok penyelidik yang mempunyai jumlah sitasi melebihi 1500 bagi *Citations in Web of Science* dan 2700 *Citations in SCOPUS*.

Dengan pengalaman dan kepimpinan di peringkat global ini, beliau telah diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan UTHM untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Pejabat Antarabangsa sejak November 2019.

Berdiri dengan jawatan tersebut, beliau telah menggariskan enam Pelan Transformasi Pejabat Antarabangsa iaitu *Global Reputation and Visibility, CQI of Customer Services, Enhancement and Advancement of Academic Programmes, International Students Overall Experience, Boosting Research and Networking and Utilisation of New Technologies* bagi memacu keterlibatan dan keterlihatan UTHM di peringkat global.

Untuk mecapai matlamat itu, beliau juga telah menggerakkan usaha ke arah pembentukan budaya kerja yang mempunyai ciri-ciri seperti semangat bekerja dalam satu pasukan, saling memahami dan menasihati serta semangat sukarelawan.

Dr. Ramlee berazam untuk terus memanfaatkan ilmu, pengalaman dan kepakaran beliau di peringkat global agar manfaatnya dapat dinikmati oleh komuniti dunia selain UTHM dan juga Malaysia tercinta.



Dr. Kamarudin bersama penyelidik-penyelidik antenna di Persidangan Antena yang diadakan di *Orlando, Amerika* pada tahun 2013. Sebelah kiri beliau adalah Profesor *Constantine A. Balanis*, penulis buku "*Antenna Theory: Analysis and Design*" yang sangat popular dan digunakan oleh seluruh negara.



Dr Kamarudin mengadakan lawatan dan perbincangan bersama penyelidik dan jurutera di *NTT Docomo, Tokyo, Japan* pada *March 2017*



Dr Kamarudin Bersama pelajar-pelajar Ketika sesi mengajar di *Silesian University of Technology, Gliwice, Poland*



Prof. Madya Dr. Nor Aziati terima Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan KPT Kluster Pengangkutan dan Mobiliti



Profesor Madya Dr. Nor Aziati Abdul Hamid, pensyarah di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan merangkap Penyelidik Kanan di *Industry Centre of Excellence for Rail (ICoE Rail)*, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) antara lima penyelidik yang terpilih menerima Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tahun 2021.

Geran bernilai RM500 ribu bagi kluster pengangkutan dan mobiliti ini julung kali diperkenalkan oleh KPT dengan mengembangkan jalinan kerjasama universiti tempatan, agensi kerajaan dan pihak industri yang terlibat secara langsung dalam sektor pengangkutan rel di Malaysia.

Geran KKP tersebut memfokuskan kepada bidang penyelidikan *Railway Reliability, Availability, Maintainability and Safety (RRAMS)* yang turut disokong oleh dua pusat penyelidikan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pusat penyelidikan MiTRANS UiTM dan *Advanced Fluid Focus Group (AFG)* UMP akan terlibat secara bersama dalam mencapai objektif utama penubuhan konsortium ini. Hasil dapatan utama kajian adalah berbentuk model pengurusan RAMS serta polisi bagi membantu pembuatan keputusan pihak kerajaan yang terlibat secara langsung dalam memantau pembangunan dan perancangan sektor pengangkutan rel di Malaysia.

Sejajar dengan tujuan utama UTHM dalam penyelidikan berteraskan *Sustainability and Transportation*, penubuhan kumpulan penyelidik ini diharap dapat menjadi rujukan utama pihak industri khususnya bidang RAMS rel yang masih lagi kurang diterokai.

Usaha ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan negara ini terhadap kepakaran luar sekali gus sebagai aspirasi untuk membangunkan keberhasilan tenaga pakar dan sumber manusia dalam bidang rel.



Aktif dalam perundingan projek rel

Nor Aziati, 41 merupakan seorang pakar dalam bidang *system assurance* dan pengurusan maklumat organisasi dan kini bergiat aktif sebagai perunding projek rel di Malaysia.

Pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Pengurusan Sistem Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum ini pernah terlibat dalam penyelidikan dan perundingan rel bermula dengan sangkutan profesional selama dua tahun bagi projek MRT2 di Sapura-EVD (pakej kontrak komunikasi dan rangkaian).

Di bawah inisiatif pemindahan pengetahuan *Industrial Collaboration Programme (ICP)* yang dikendalikan oleh *Technology Depository Agency (TDA)*, anak kelahiran Johor Baharu ini terlibat secara langsung dengan RAMS bagi sistem komunikasi dan rangkaian MRT2.

"Melalui program ICP, saya telah menyertai program latihan pembangunan tenaga pakar yang melibatkan kejuruteraan rel berkelajuan tinggi (*high speed rail*) serta pengurusan operasi rel di China itu dengan kerjasama *University of Beijing Jiaotong*," jelas beliau.

Selain itu, beliau turut menyertai program-program latihan profesional berkaitan rel yang dikendalikan oleh syarikat seperti Bombardier, Prasarana dan Siemens dan turut mempunyai sijil kelayakan HRDF bagi membolehkan beliau melatih pelatih yang ingin terlibat dalam bidang RAMS.

"Bertitik tolak daripada projek tersebut, saya mengembangkan lagi karier dalam bidang RAMS rel bagi projek ETS Gemas-Johor Bahru yang sedang berjalan di bawah kendalian Kementerian Pengangkutan.

"Penglibatan saya sebagai perunding RAMS bagi *Traction Power System (TPS)* dan *Power Supervisory control and data acquisition (SCADA)* projek ETS Gemas-Johor ini melibatkan dua syarikat pembekal sistem elektifikasi iaitu *Prestigious Sdn. Bhd.* dan *PESTECH Technology Sdn. Bhd.*

"Lantikan sebagai ketua perunding kepada syarikat tersebut membolehkan pasukan kami mencapai jumlah perundingan projek melebihi RM300 ribu," ujar beliau.

Projek perundingan yang dijalankan melalui Pusat Inovasi dan Pengkormersilan (ICC) UTHM ini bukan hanya mampu mempromosikan kepakaran ahli penyelidik malah dapat menghasilkan tenaga kerja dalam bidang yang khusus berkaitan rel.

Selain terlibat secara aktif dalam projek rel di Malaysia, Nor Aziati selaku ketua turut menerima dua geran penyelidikan sepadan hasil kerjasama antara UTHM dan KTMB berjumlah kira-kira RM118 ribu. Kajian yang berbentuk *cross-disciplinary* ini merupakan kesinambungan kepada geran dalam *Multi-Disciplinary Research Grant (MDR)* berjumlah RM65 ribu yang telah diperolehi dari pihak UTHM bagi pembangunan penyelidikan rel.

Selain aktif menerbitkan artikel ilmiah, beliau turut dilantik sebagai penyedia latihan kepada pihak industri khususnya melibatkan bidang RAMS. Beliau bersama kumpulan perundingnya sedang giat membangunkan modul latihan RAMS di samping merakamkan pengalaman mengendalikan projek rel di Malaysia yang boleh digunakan di masa akan datang.

Nor Aziati juga turut dilantik sebagai *editorial board* serta penilai jurnal bagi beberapa jurnal di peringkat antarabangsa dan kebangsaan di samping undangan sebagai penguapcpta dan penceramah jemputan dalam persidangan dan webinar.

Berpegang kepada prinsip tiada jalan mudah untuk berjaya, beliau berpendapat setiap usaha kecil yang dilakukan secara individu ataupun berpasukan akan memberi kejayaan pada masa akan datang khususnya apabila ingin mendapatkan kepercayaan serta memperluaskan jaringan bersama pihak industri di kala berhadapan dengan ekonomi yang serba mencabar.



UTHM terokai penyelidikan dan pembangunan aplikasi, tambah baik pengurusan operasi dan penyelenggaraan KTMB



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerokai penyelidikan bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi membangunkan dua sistem penyelenggaraan serentak iaitu *Enhancement of Predictive Maintenance Reporting Through Dashboard Application* dan *Rollingstock Wean and Tear Analysis Using On-Train Data Logger and Driver's Task Load and Driving Behaviour*.

Penyelidikan ini berbentuk perkongsian kepakaran oleh kumpulan penyelidik UTHM bersama dengan KTMB yang telah dimeterai dalam perjanjian persefahaman sebelum ini. Projek penyelidikan ini diterajui bersama oleh pakar dari Pusat Kecemerlangan ICoE-Rel iaitu Profesor Madya Dr. Nor Aziati Abdul Hamid dan Ts. Dr. Hairulazwan Hashim.

Nama mereka berdua sudah tidak asing lagi dalam melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi dan berkolaborasi bersama industri rel di Malaysia. Kerjasama ini menjadi salah satu pencapaian berprestij UTHM apabila diberi kepercayaan bagi membangunkan dua sistem sekali gus, yang bertujuan untuk penyelenggaraan dan operasi terhadap sistem eletrifikasi serta stokereta.

Projek ini dibiayai menerusi peruntukan geran sepadan antara UTHM dan KTMB yang bernilai

RM117,000 yang mana agihan secara 50% dari jumlah tersebut dibiayai oleh kedua belah pihak KTMB dan UTHM.

Secara amnya dua sistem ini dibangunkan bertujuan mengoptimumkan pengurusan operasi dan penyelenggaraan peralatan bagi dua jabatan iaitu Jabatan Elektrifikasi dan Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan KTMB. Penyelidikan stokereta melibatkan analisis secara komprehensif haus dan lusuh Set Tren Elektrik (ETS) sedia ada bagi perjalanan Kuala Lumpur-Ipoh.

Di samping itu, penyelidikan turut melibatkan analisa kos kitaran peralatan yang diselenggara bagi membolehkan pihak KTMB membuat perancangan kos tahunan yang lebih efektif dengan mengambil kira kos penyelenggaraan, jadual penyelenggaraan yang tepat serta jangka hayat peralatan yang diguna pakai.

Penyelidikan bersama ini melibatkan kerjasama erat antara Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan Stokereta KTMB yang ketua oleh Pengurus Besar, Ir Kholel Manaf serta Pengurus Kanan Teknikal, Mohd Hishamuddin Salim. Kajian inter-discipline ini dapat membantu pihak KTMB dalam membuat keputusan serta perancangan kos dengan lebih tepat.

Manakala untuk sistem *Dashboard*, produk penyelidikan ini dibangunkan bertujuan membantu pihak kakitangan KTMB di Jabatan Elektrifikasi mengeluarkan laporan yang bersistematik dalam bentuk masa nyata untuk memudahkan mereka menyusun atur jadual selenggara mengikut keperluan peranti dan komponen sekali gus dapat menjimatkan kos.

Ketua Jurutera Jabatan Elektrifikasi, Ir. Mohamad Asri Yusoff meletakkan harapan dan keyakinan bahawa pasukan penyelidik UTHM dapat menzahirkan kepakaran dimiliki bagi mencapai objektif penyelidikan berimpak ini.

“Hampir 15 tahun pihak kami menggunakan *“Screen Shot method”* dari paparan komputer untuk membuat laporan harian.

“Kami berharap dengan adanya sistem ini ia dapat mempercepatkan proses penyediaan laporan dan lebih efisien,” ujarnya.

Projek pembangunan aplikasi ini akan dijalankan dalam jangka masa 12 hingga 24 bulan bermula tahun 2021 oleh kumpulan penyelidik UTHM dari Pusat Kecemerlangan ICoE-Rel bersama penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD).

Evolusi norma baharu kesan daripada COVID-19 sedikit sebanyak memberi impak pada para penyelidik terutama dari segi pergerakan dan sasaran kerja tahunan. Namun begitu ia tidak bermakna usaha sama antara industri dan universiti perlu dihentikan.

Kedua-dua penyelidik UTHM, Dr. Aziati dan Dr. Hairulazwan turut melahirkan hasrat untuk berusaha keras mengeksplorasi peluang-peluang penyelidikan dan pembangunan yang baharu dengan sebahagian aktiviti penyelidikan dilaksanakan secara dalam talian mengikut kesesuaian skop projek.

Selain itu mereka juga aktif membantu industri menginovasi sistem yang sedia ada mengikut kepakaran masing-masing sekali gus membantu menaikkan nama UTHM sebagai peneraju utama universiti awam dalam bidang rel.





SWIDWEB Solutions dan SWM Environment lancar Program Pengurusan Sisa Makanan bersama komuniti setempat

BATU PAHAT, 23 Feb - SWIDWEB Solutions yang merupakan salah satu syarikat terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bekerjasama dengan SWM Environment Sdn. Bhd. melancarkan program 'Pengurusan Sisa Makanan' bersama komuniti setempat.

Menurut Ketua Projek, Profesor Madya Ir. Dr. Noor Yasmin Zainun program ini merupakan salah satu projek rintis yang pertama kali dilaksanakan di Batu Pahat, bertujuan untuk mengurangkan kapasiti pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah dengan melakukan kitar semula untuk manfaat kepada alam sekitar.

"Pihak kami bersyukur kerana lebih 50 peserta telah menyertai program rintis ini," katanya.

Beliau turut menjelaskan pihak SWM juga turut sama merialisasikan projek pengurusan sisa ini dengan menaja tong pungutan sisa makanan kepada semua peserta yang terlibat serta menjalankan aktiviti pungutan sisa berjadual dari rumah ke rumah untuk dibawa ke Pusat Penyelidikan Sisa Pepejal (PPSP).

"PPSP telah dibangunkan di kampus induk UTHM dan menelan belanja RM100 ribu melalui geran penyelidikan yang diperolehi bersama dua orang pasukannya iaitu Profesor Madya Dr. Munzilah Md. Rohani dan Sr. Saifullizan Mohd. Bukari dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina.

"Di PPSP, sisa makanan yang dikumpul akan diproses bagi menghasilkan pelbagai produk seperti *Black Soldier Fly larvae (BSFL)* sebagai makanan kepada haiwan ternakan dan ikan, dan pelbagai jenis baja organik," tambah Dr. Yasmin.

Projek ini turut dijayakan bersama:

1. Prof. Madya Ir. Dr Noor Yasmin Zainun

2. Prof. Madya Dr Munzilah Md Rohani

3. Sr. Saifullizan Muhd Bukari

4. Prof. Madya Dr. norwati Jamaluddin

5. Dr. Sallehuddin Shah Ayop

6. Dr. Hairuddin Mohammad

7. Muhammad Qusyairi Abdul Rahman

8. Dr. Noralfishah Sulaiman



Hari Pelancaran dan serahan tong sisa makanan oleh SWIDWEB Solutions dan SWM kepada peserta program



Fermented plant juice yang dihasilkan dari sisa makanan untuk dijadikan baja foliar




Frass, baja organik yang telah dihasilkan dari sisa makanan melalui Black Soldier Fly (BSF)



BSF Larva yang dihasilkan untuk dijadikan makanan haiwan ternakan



UTHM kongsi ilmu, didik masyarakat guna semula sisa makanan



BATU PAHAT - Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan dan Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan satu sesi perkongsian ilmu berkaitan penggunaan semula sisa makanan secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet* pada 26 Januari 2021 lalu.

Menurut Pengarah Program, Ts. Dr Roslinda Seswoya program tajaan Kementerian Pengajian Tinggi ini merupakan program berkonsepkan *knowledge transfer* yang dianjurkan bertujuan untuk memenuhi matlamat "Universiti untuk Masyarakat."

Program ini melibatkan kumpulan sasar seperti peserta dari *SWM Environment*, Majlis Perbandaran Muar dan Majlis Perbandaran Kulai, termasuklah pengusaha kantin sekolah, perunding kejuruteraan awam, guru sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi awam.

Selain itu, staf akademik dan bukan akademik serta pelajar UTHM juga turut menjayakan program ini.

"Penyertaan yang ramai menunjukkan

masyarakat menyedari bahawa sisa makanan perlu diurus dengan baik," katanya.

Beliau dalam sesi perkongsian membincangkan tentang pendekatan "Waste to Energy" iaitu satu konsep penghasilan tenaga daripada sisa.

Di dalam perkongsian tersebut, konsep "Waste to Energy" telah diperincikan melalui sistem berteknologi hijau yang terdiri daripada pencerna anaerobik untuk menghasilkan biogas daripada sisa makanan dan enjin generator untuk mengubah biogas kepada elektrik.

Beliau turut menyentuh secara lanjut tentang pencerna anaerobik yang merupakan satu sistem biologi yang boleh digunakan untuk melupuskan sisa organik.

"Bahan organik akan dicerna oleh bakteria anaerobik dan menghasilkan biogas yang mengandungi gas metana (CH_4) dan gas karbon dioksida (CO_2).


"Di Malaysia pencerna anaerobik untuk sisa makanan telah digunakan di beberapa medan selera, manakala pelupusan effluen kilang minyak kelapa sawit pula turut dipraktikkan

secara meluas menggunakan kaedah ini," katanya.

Sesi perkongsian tersebut turut dibantu oleh Profesor Madya Dr Shahrul Azmir Osman, yang membincangkan tentang perbandingan enjin generator apabila biogas dan petrol dijadikan bahan api.

Dr. Roslinda juga berkata pengumuman program ini mendapat maklumbalas positif daripada peserta.

"Majoriti mereka menyokong perkongsian ilmu sebegini bagi membantu negara merealisasikan hasrat ke arah Bandar Rendah Karbon," ujarnya.





Dr. Air bantu operasi padam kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat



Pasukan "Dr. Air," Profesor Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan, 43 bersama rakan kongsinya Mohammad Erwan Zaki Mat Radzi, 29 berkerjasama dengan Pejabat Perhutanan Negeri Selangor (PPNS) menyertai operasi memadam kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat pada awal Mac lalu.

Menurut Dr. Zainizan, pada ketika itu mereka difahamkan lebih 50 hektar kawasan telah terbakar akibat aktiviti pertanian haram.

"Dengan kerjasama PPNS, pasukan kami telah mengaktifkan telaga-telaga tiub yang dibina oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) untuk menaikkan aras air di kawasan yang terbakar bagi memadamkan api di dalam tanah gambut," katanya.

Tambah beliau kebakaran hutan yang bertanah gambut itu menjadi sukar untuk dipadamkan kerana bara api yang membakar bahan organik tanah gambut berada di dalam tanah.

"Oleh itu kaedah yang digunakan untuk memadamkan api adalah dengan menenggelamkan kawasan tersebut dengan air.

"Pasukan kami telah mengaktifkan empat telaga dan mengalirkan air di kawasan terjejas untuk tempoh 24 jam selama lebih tujuh hari," katanya.

Dalam keadaan yang kritikal itu, kepakaran Dr. Air dalam bidang kejuruteraan elektrik dan mekanikal amat diperlukan bagi melatih pegawai-pegawai PPNS dalam mengendalikan pam dan generator.

Dr. Air juga telah berjaya mengaktifkan satu telaga di kawasan yang sangat terpencil dengan menggunakan pam Arus Terus (DC) yang telah diubah suai.

"Walaupun menggunakan pam DC, namun pasukan Dr. Air tetap memastikan kapasiti pam yang besar bagi mengawal kebakaran hutan dari terus merebak," tambahnya lagi.



Selama lebih seminggu pasukan Dr. Air beraksi memadam kebakaran hutan di Kuala Langat sehinggalah api berjaya dipadamkan sepenuhnya pada 10 Mac lalu.

Kesan kebakaran telah memusnahkan khazanah flora dan fauna yang menjadi aset negara untuk generasi akan datang.

Untuk rekod, Dr. Air merupakan satu jenama baharu penapis air bawah tanah berkualiti tinggi yang dihasilkan untuk kegunaan isi rumah dan juga industri. Selain sebagai satu produk, kepakaran penciptanya yang juga seorang penyelidik UTHM turut dikongsi dengan masyarakat melalui kerja-kerja sukarelawan.



Air dari telaga tiub digunakan untuk memadam hutan yang terbakar



Dr. Zainizan dan Erwan sedang melatih pegawai-pegawai PPNS sebelum memulakan operasi



Khazanah Negara yang musnah akibat kebakaran



Cabaran membawa set generator dan paip ke lokasi yang tiada laluan masuk



411 pelajar UTHM duduki peperiksaan terima bantuan program Sabil Al-Hikmah



BATU PAHAT, 10 Feb 2021 - Seramai 411 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menduduki peperiksaan akhir Semester I Sesi 2020/2021 yang berada di kolej-kolej kediaman kampus induk Parit Raja dan kampus cawangan Pagoh menerima bantuan kebajikan pelajar menerusi program Sabil Al-Hikmah.

Bagi merealisasikan tanggungjawab ini, satu sesi *Soft-launching* Program Sabil Al-Hikmah bagi bantuan yang berupa *food pack* makanan tengah hari telah diadakan pada hari ini, yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad bertempat di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail (KKTDI), kampus induk.

Turut hadir, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Puan Hawa Omar dan Pengetua KKTDI, Dr. Adi Syahid Mohd Ali.

Menurut Puan Hawa, bantuan Sabil Al-Hikmah pada kali ini telah bermula pada 08 Februari lalu secara serentak di lapan kolej kediaman universiti dan akan berakhir pada 11 Februari ini.

Beliau mewakili pihak universiti merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penderma yang telah memberi sumbangan untuk bantuan Sabil Al-Hikmah ini.

"Dalam memastikan program bantuan ini dapat berjalan dengan lancar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar selaku pengelola program amat mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak yang ingin menderma untuk program kebajikan ini.

"Sumbangan boleh dibuat menerusi potongan gaji ataupun dalam bentuk tunai," katanya.

Untuk rekod, sejak Sabil Al-Hikmah dilancarkan pada Mac 2016 hingga Februari 2021, sebanyak 2,088 pek atau kupon makanan tengah hari dengan nilai terkumpul RM294,631.93 telah diedarkan kepada pelajar.





“Penglibatan industri Petronas mendapat maklum balas positif daripada para peserta kerana sebelum ini mereka hanya melihat bidang mereka tertumpu di daratan sahaja, tanpa mengetahui ia turut merangkumi industri luar pesisir.

“Objektif utama penglibatan industri ini tercapai apabila keperluan seorang jurutera memahami kerja-kerja geomatik ini dirungkai dengan jelas dan tepat berdasarkan bukti,” katanya.

Tambah Dr. Nazirah lagi perkongsian daripada wakil INSTUN juga turut membantu para pelajar *Geomatic Hybrid Camp* dalam pemrosesan data ukur dan memperkenalkan peralatan serta teknologi geomatik terkini yang diguna pakai oleh industri diluar sana.

“Data ukur yang diberikan sebagai data projek pelajar merupakan data sebenar yang dikongsi oleh INSTUN melalui bantuan daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.

“Data sedia ada ini diubah suai bagi kegunaan pelajar menghasilkan projek seperti pembinaan sekolah, padang sekolah dan juga hospital.

“Melalui kerjasama ini pelajar telah diajar berfikir sebagai seorang jurutera dengan memberi

justifikasi lokasi projek yang mereka cadangkan,” ujar Dr. Nazirah.

Menariknya, para peserta turut dibekalkan dengan sijil penyertaan daripada pihak INSTUN di akhir program.

Dr. Nazirah mewakili pihak penganjur berharap jalinan kerjasama bersama industri seperti ini dapat diteruskan lagi dari semasa ke semasa.



Sr Dr. Nazirah Binti Mohamad Abdullah
Jabatan Kejuruteraan Awam,
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina





Pelaksanaan Latihan Mengajar dalam tempoh pandemik Covid-19



Pelaksanaan Latihan Mengajar adalah salah satu keperluan dalam Amalan Profesional Program Pendidikan. Bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (ISMPV) dan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) secara kerja kursus di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), para pelajarnya diwajibkan menjalani latihan mengajar selama 14 minggu di institusi-institusi TVET yang diiktiraf.

Bagi melaksanakan latihan mengajar ini, UTHM melalui Jabatan Latihan Mengajar dan Latihan Industri, FPTV berkolaborasi dengan Kolej Vokasional, Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Kemahiran dan Sekolah-sekolah Menengah berdasarkan bidang pengajian yang ditawarkan di FPTV.

Pelaksanaan Latihan Mengajar semasa tempoh pandemik ini sememangnya merupakan satu cabaran kerana pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) norma baharu secara tidak langsung memberi kesan emosi kepada guru-guru pelatih yang menjalani latihan mengajar.

Perubahan pelaksanaan PdP secara bersemuka yang biasa diamalkan tidak dapat dijalankan dalam tempoh pandemik ini. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah diperkenalkan bagi memastikan akses kepada pendidikan dapat dicapai oleh semua pelajar meskipun tidak dapat hadir secara fizikal di institusi.

PdPR ini boleh dilaksanakan secara dalam talian atau luar talian atau secara *off-site*. Kaedah ini telah diterima oleh semua peringkat institusi dan guru-guru pelatih di FPTV UTHM juga dapat menerima kaedah PdPR ini semasa menjalani latihan mengajar dengan merancang strategi pengajaran yang berkesan.

Pedagogi dalam TVET menetapkan hasil pembelajaran yang jelas dan eksplisit dari aspek pencapaian kognitif, psikomotor dan afektif. PdPR yang dilaksanakan juga perlu mengambil kira penilaian terhadap hasil pembelajaran bagi memastikan pelajar-pelajar yang diajar dapat memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang sepatutnya.

Guru-guru pelatih di FPTV, UTHM dapat menguasai kemahiran pengajaran yang baik hasil dari kursus-kursus ikhtisas pendidikan dan TVET yang telah mereka pelajari sepanjang pengajian di FPTV.

Mereka juga dapat menguasai *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPCK)* iaitu konsep kefahaman dan penerangan mempraktikkan pedagogi yang berkesan dengan bantuan teknologi.

Pelbagai platform digunakan semasa PdPR seperti *google meet, microsoft team, zoom, webex, whatsapp* dan *telegram*. Secara tidak langsung kemahiran teknologi dan inovasi dalam pendidikan TVET dapat diterapkan dalam PdPR.

Sebagai bakal pendidik, guru-guru pelatih FPTV di UTHM turut membantu tugas-tugas lain selain PdP. Walaupun aktiviti ko-kurikulum secara fizikal tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh pandemik ini, aktiviti-aktiviti selain dari PdP perlu dilaksanakan kerana ia merupakan salah satu kriteria penilaian latihan mengajar.



Maka, inisiatif guru-guru pelatih ini melaksanakan program-program secara virtual amatlah relevan bagi memastikan keseimbangan jasmani, rohani, emosi dan intelek dapat diterapkan kepada pelajar-pelajar mereka.

Antara program-program yang dilaksanakan secara virtual adalah seperti Kemahiran Menghasilkan Peta Minda menggunakan Aplikasi *Coggle* bagi meringkaskan nota pembelajaran, Pertandingan *Web Business Challenges* dan Kaedah Penghasilan Video menggunakan perisian *Filmora*.

Penghayatan terhadap profesionalisme keguruan guru-guru pelatih FPTV ini, mewujudkan daya tahan mereka dalam menghadapi cabaran menyampaikan ilmu. Cabaran yang dihadapi ini dapat menginspirasi guru-guru pelatih FPTV untuk memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi nilai kepada generasi masa kini dan akan datang.

Justeru itu, dengan sikap proaktif guru-guru pelatih FPTV sepanjang tempoh latihan mengajar merupakan satu penghayatan kepada asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ke arah memperkembangkan potensi secara menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Daya usaha ini akan memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dan matlamat pendidikan dicapai secara adil dan holistik untuk semua golongan dalam tempoh pandemik ini.

Oleh;

Prof. Madya Ts. Dr. Mimi Mohaffyza Mohamad

Ketua Jabatan

Jabatan Latihan Mengajar dan Latihan Industri

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM bergelar juara di Kejohanan ESports Terbuka IPT Johor 2021



BATU PAHAT - Pasukan OFFWHITE dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bergelar juara apabila berjaya menewaskan pasukan lawan bagi pertandingan PUBG kategori Terbuka IPT semasa berlangsungnya Kejohanan ESports Terbuka Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Johor 2021 pada 5 hingga 10 April lalu.

Kejayaan itu melayakkan mereka membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,500 berserta medal, piala pusingan dan juga sijil.

Manakala bagi PUBG kategori terbuka Johor, tempat pertama dirangkul pasukan INSURGENT dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000, medal, piala pusingan dan sijil.

Mobile Legends kategori Tebuka IPT Johor pula dijuarai oleh PIS PRIDE dari Politeknik Ibrahim Sultan dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,500, medal, piala pusingan dan sijil.

Sementara itu, bagi *Mobile Legends* kategori Tebuka Johor pula, pasukan LACOSTE muncul juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000, medal, piala pusingan dan sijil.

Hadiah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad ketika hadir menyempurnakan majlis penutup kejohanan yang diadakan pada 10 April lalu bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM kampus induk.

Menurut Pengarah Pusat Sukan Universiti (PSU), Azli Puddin penganjur kejohanan itu telah berjaya menarik lebih 500 pelajar IPT termasuk penglibatan belia di Batu Pahat dan sekitar negeri Johor.

“Penganjur yang dijalankan secara dalam talian ini mempertandingkan dua acara utama iaitu *Mobile Legend Bang Bang* dan *Player Unknown Better Ground* atau lebih dikenali dengan *PUBG Mobile* bagi merebut hadiah keseluruhan berjumlah RM 14,000.00.

Tambah beliau, Kejohanan ESports Terbuka IPT Johor 2021 ini menjadi medan terbaik bagi penuntut IPT memulakan langkah ke dunia e-sukan pada tahap yang lebih tinggi dan profesional.

Sementara itu, Noraini dalam ucapannya berkata sukan elektronik atau lebih popular dengan e-sports pada masa ini semakin berkembang



seiring dengan kecanggihan teknologi semasa.

“Di Malaysia pendapatan pemain Malaysia dalam Dota dua mencatatkan kedudukan kelapan tertinggi daripada 59 buah negara di seluruh dunia.

“Malah Soloz atau nama sebenarnya Mohd Faris Zakaria pernah menggemparkan Malaysia apabila membeli sebuah Mustang hasil kerjayanya dalam arena e-sports.

“Ini sekali gus membuktikan sukan ini mampu menjana pulangan ekonomi yang lumayan,” tambah beliau.

Turut diadakan Klinik ESports yang menampilkan FIFA 2021 khusus untuk para peminat.

PSU, UTHM berjaya melaksanakan kejohanan ini dengan baik sekali dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi, juga dengan kerjasama *Rentaqa Event* sebagai rakan sukan.



Pusat Pengajian Diploma juarai Sukan Antara Fakulti Edisi Maya 2021



BATU PAHAT, 10 April 2021 – Pusat Pengajian Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dinobatkan sebagai juara keseluruhan pertandingan Sukan Antara Fakulti Edisi Maya 2021 yang berlangsung selama 10 hari bermula pada 1 hingga 10 April lalu.

Pasukan PPD membawa pulang tiga pingat emas, tiga perak dan dua gangsa diikuti dengan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) sebagai naib juara keseluruhan dengan kutipan pingat sebanyak tiga emas, dua perak dan satu gangsa.

Manakala Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mendapat tempat ketiga keseluruhan dengan kutipan dua pingat emas, dua perak dan satu gangsa.

Kejohanan anjuran Pusat Sukan Universiti (PSU) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) ini menawarkan 93 pingat dan piala khusus untuk para pemenang.

Sukan Antara Fakulti Edisi Maya 2021 ini merupakan kali pertama dianjurkan secara maya oleh PSU dengan kerjasama FKAAB sebagai tuan rumah.

Program ini merupakan salah satu usaha PSU bagi menyediakan program-program pembangunan sukan di UTHM di saat negara dilanda pandemik Covid-19.

la juga bertujuan untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai warga kampus dalam sukan dan rekreasi di samping menerapkan gaya hidup sihat dalam kehidupan mereka, sekali gus mempertingkatkan lagi prestasi sukan dengan lebih berkesan dan cemerlang.

Kejohanan berprestij di peringkat universiti ini mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan apabila mendapat penyertaan penuh daripada sembilan fakulti.

Sembilan acara telah dipertandingkan iaitu *Mobile legends*, *PUBG Mobile*, *Dota 2*, *Catur (Online)*, *Kecergasan Olahraga*, *Football (Freestyle)*, *Basketball (Shooting Challenge)*, *Silat Seni Solo Kreatif* dan *Berbasikal*.

Sementara itu, Majlis Pelancaran Sukan Antara Fakulti Edisi Maya 2021 telah diadakan pada 30 April lalu, disempurnakan oleh Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Ts. Dr. Lokman Hakim Ismail. Hadir sama, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan Juki selaku tuan rumah.

Kejohanan pada kali ini diakhiri dengan majlis penutup yang dirasmikan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly pada 10 April lalu melalui platform *YouTube* UTHM TV.



THE STAR ONLINE 31 JAN 2021

Making M'sia better



Top scientists: Nor Aziati (left) and Aeslina from UTHM are helping to improve the lives of Malaysians through their research outcomes.

TWO Malaysian scientists are building the nation through their research efforts.

Assoc Prof Dr Aeslina Abdul and Assoc Prof Dr Nor Aziati Abdul Hamid are using their knowledge to spearhead developments in the fields of recycling, waste and waste water management, and transport and mobility.

Both are researchers and lecturers from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Aeslina, from UTHM Faculty of Civil Engineering and Built Environment (FKAAB), was among 30 researchers who received the recognition of Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2020 based on their outstanding achievements in science, technology and innovation (STI).

The recognition, first launched in 2012, is given annually to local researchers who are actively conducting research in the field of STI, and have had the results of their studies recognised locally and internationally.

Born in Batu Pahat, Johor, Aeslina became active in research when she conducted a project that recycled cigarette butts into building materials during her doctorate of philosophy (PhD) studies in Australia. The results of this high-impact research have been featured in The American Society of Civil Engineering Magazine.

Realising that even small garbage items like cigarette butts could contribute to millions of

tonnes of harmful pollutants in the world, Aeslina was determined to continue her work with solid waste management in Malaysia.

Her expertise in waste management led to her appointment as a consultant conducting research and resolve waste management issues in several local companies such as Malaysia Mosaics, Taiko Premier Bleach, Bina Kuari and Hap Seng Clay Products.

Recently, she was appointed by Japan's National Institute for Environmental Studies and Mitsubishi UFJ Research and Consulting (MURC) Japan as the project leader to represent Malaysia in the Integrated Decentralised Domestic Wastewater Management project in Asean, which involves nine other countries – Cambodia, Brunei, Laos, Myanmar, Thailand, Vietnam, the Philippines, Singapore and Indonesia.

Aeslina has published over 100 publications including proceedings, journals, books and modules as lead author and co-author with an H-index 13.

To date, she has also acted as chief researcher obtaining research grants worth almost RM2mil, and led consulting sessions worth more than RM300,000 both locally and internationally.

Nor Aziati, on the other hand, has received a grant for research on transport and mobility, given under the Higher Education Ministry's Research Excellence Consortium Grant.

The grant, worth RM500,000, was introduced to expand the collaboration between local universities, government agencies and industry which are directly involved in the rail transport sector in Malaysia.

This is the first time the grant has been expanded to include the railway sector.

Nor Aziati, who is a UTHM Industry Centre of Excellence for Rail (ICoE Rail) senior researcher, received the grant to conduct research on railway reliability, availability, maintainability and safety (RRAMS).

Her work under the grant will be supported by Universiti Teknologi Mara and Universiti Malaysia Pahang research centres.

Nor Aziati, who lectures at UTHM Faculty of Technology Management and Business, had a two-year professional attachment stint at



Sapura-EVD (communications and network contract package), involving the MRT2 project. She provided research and rail consultation services.

and national journals, in addition to being keynote speaker and guest speaker at various conferences and webinars.

The Johor Baru native sits on editorial boards and is a journal evaluator for several international

SIN CHEW DAILY 15 FEB 2021

敦大總校與巴莪分校 411宿舍生獲食物援助



(峇株巴轄14日訊) 敦胡先翁大學巴力拉惹總校與巴莪分校411名面臨2020/2021學年第一學期期末考試的宿舍生，獲得Sabil Al-Hikmah計劃食物援助。

該校日前發文告指出，該校日前舉行了食物派送推介禮，為這些在宿舍應考學生提供午餐，並獲該校學生事務副校長阿凡迪副教授出席推介。

該校學生事務局主任哈瓦指出，此次的援助計劃從2月8日開始，同時在該校8所宿舍進行，並於2月11日結束，他代校方感謝所有願意給予援助的捐贈者。

“為了確保援助計劃順利進行，學生事務局也歡迎各界持續捐款協助，欲捐贈者可通過薪水自動扣除方式或現金進行捐贈。”

根據記錄，Sabil Al-Hikmah計劃從2016年3月開始至今，共派出2088包午餐或午餐固本給學生，援助的金額達29萬4631令吉93仙。



居住在敦大宿舍的應考生獲得校方派送愛心午餐。



Utusan Malaysia

PEMIKIRAN BAHARU

UTHM sedia sambut pelajar ke kampus



PELAJAR UTHM dibenarkan kembali ke kampus mengikut kategori yang ditetapkan kerajaan bermula 1 Mac di kampus induk di Parit Raja dan kampus Pagoh di Muar, Johor. -GAMBAR HIASAN

Oleh MOHAMAD FAHD RAHMAT

16 Februari 2021, 7:39 pm

BATU PAHAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sudah bersedia bagi menyambut kedatangan pelajar berkeperluan khas selepas mereka dibenarkan pulang semula ke kampus bagi mengikuti Semester II Sesi 2020/2021.

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat UTHM memaklumkan, pihaknya akan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mencegah dan mengekang risiko penularan wabak Covid-19.

Katanya, kira-kira 2,000 kakitangan pentadbiran dan pengurusan sudah bersedia bagi membolehkan pelajar yang dikelaskan dalam enam kategori itu menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara fizikal dan dalam talian (hibrid) bermula 1 Mac ini.

“Pelajar kategori 1 yang dibenarkan pulang adalah daripada program pengajian peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan pasca siswazah yang memerlukan aktiviti praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel dan peralatan khas.

“Selain itu, pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian yang telah dikenal pasti oleh fakulti juga dibenarkan pulang ke kampus selain pelajar diploma sedia ada di kampus boleh meneruskan pengajian secara hybrid,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini, hari ini.

Menurut kenyataan itu, semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United King-



dom, pelajar orang kurang upaya (OKU) dan pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET) serta profesional juga dibenarkan pulang ke kampus.

Katanya, pelajar yang tidak termasuk kategori berkeperluan seperti dinyatakan akan kekal mengikuti PdP secara dalam talian di kediaman masing-masing dan tidak perlu kembali ke kampus.

“Pelajar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) tidak dibenarkan kembali ke kampus dan hanya boleh mengemukakan permohonan kembali ke kampus setelah kategori kawasan kediaman bertukar menjadi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan perintah lain.

“Sekiranya pelajar dalam kategori 1 memilih untuk tidak kembali ke kampus, maka pelajar perlu membuat keputusan sama ada untuk menggugurkan kursus atau menangguhkan pengajian bagi semester ini,” katanya.

Kata kenyataan itu juga, pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus akan mendapat surat pemberitahuan daripada pihak fakulti masing-masing.

“Semua pelajar berkeperluan disediakan dan perlu mengingati sepanjang semester di kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti,” katanya.

Untuk rekod terdapat seramai 18,000 pelajar UTHM termasuk di kampus induk di Parit Raja dan Pagoh.- UTUSAN ONLINE



Pensyarah UTHM cipta sejarah wanita pertama miliki lesen dron profesional

Oleh **Essa Abu Yamin** - Februari 17, 2021 @ 4:24pm

bhnews@bh.com.my



Siti Juita Mastura menjadi wanita pertama di Malaysia memiliki lesen juruterbang kawalan dron profesional.
- Foto ihsan UTHM

BATU PAHAT: Pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Siti Juita Mastura Mohd Saleh mencatat sejarah sebagai wanita pertama negara memiliki lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) berusia 39 tahun itu memiliki lesen berkenaan atau Remote Pilot License (RePL) yang diiktiraf oleh Lembaga Keselamatan Penerbangan Awam (CASA), Australia.

Beliau yang juga penyidik di Jabatan Kejuruteraan Aeronautik di universiti itu turut mempunyai kepakaran dalam bidang Struktur dan Reka Bentuk Pesawat, khususnya berkaitan komposit aerostruktur

“Saya bersyukur kerana diberi peluang berbakti kepada universiti yang menggalakkan kakitangannya untuk terbabit dalam aktiviti komuniti.

“Menerusnya (lesen) saya berpeluang menyumbang khidmat bakti dan berkongsi ilmu berkaitan dron kepada komuniti setempat mahupun masyarakat Orang Asli melalui program yang diaturkan UTHM,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, dia bukan saja aktif dalam bidang penyelidikan, malah menjadi penggerak kepada pembangunan pensijilan aeroangkasa khususnya berkaitan program teknologi dron yang kini ditawarkan di UTHM.

“Melalui kerjasama dengan pihak industri, satu geran penyelidikan diberikan oleh UTHM untuk saya membangunkan prototaip pesawat terbang rendah dikenali sebagai ‘wing-in-ground effect craft’.

“Dengan pemilikan lesen ini, saya berhasrat meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk aeroangkasa selaras hasrat negara memperkasa industri aeroangkasa menjelang 2030,” katanya.

Ahli lembaga pengarah dalam satu syarikat terbitan UTHM, Avitex Solution itu juga menjalankan aktiviti komersial produk berasaskan dron serta kursus asas pengendalian dron.

“Saya berharap penubuhan syarikat ini dapat memberi peluang untuk UTHM terbabit secara lebih aktif bukan saja dalam aktiviti konsultasi, malah aplikasi dron dalam pelbagai industri,” katanya.

HARIAN METRO 18 FEB 2021

Harian Metro | Khamis 18.02.2021



SITI JUITA adalah pensyarah dan penyelidik di Jabatan Kejuruteraan Aeronautik UTHM.

Siti Juita 'buka jalan' ke udara

Wanita pertama terima lesen juruterbang kawalan dron profesional tekad perkasa industri aeroangkasa negara

Oleh Essa Abu Yamin
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Wanita pertama di Malaysia dianugerahi lesen juruterbang kawalan dron profesional, Siti Juita Mastura Mohd Saleh, 39, mahu terus aktif membangunkan produk aeroangkasa negara.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini berkata, ia selaras dengan hasrat negara untuk memperkasa industri aeroangkasa menjelang 2030.

"Pemilikan lesen ini membolehkan saya meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk aeroangkasa," katanya.

Siti Juita Mastura memiliki lesen yang turut dikenali sebagai *Remote Pilot License (RePL)* yang diiktiraf Lembaga Keselamatan

Penerbangan Awam (CA-SA), Australia.

Beliau yang juga pensyarah dan penyelidik di Jabatan Kejuruteraan Aeronautik UTHM pakar dalam bidang struktur dan reka bentuk pesawat, khususnya struktur komposit.

"Saya bersyukur diberi peluang berbakti kepada universiti yang menggalakan kakitangannya terbahit dalam aktiviti komuniti.

"Saya berpeluang menyumbang dan berkongsi ilmu berkaitan dron kepada komuniti setempat mahupun masyarakat Orang Asli menerusi program diatur UTHM," katanya.

Menurut Siti Juita Mastura, dia bukan sahaja aktif dalam bidang penyelidikan, malah menjadi penggerak pembangunan pensijilan aeroangkasa, khususnya berkaitan program teknologi dron yang kini ditawarkan di UTHM.

"Melalui kerja-

sama dengan pihak industri, saya diberi geran penyelidikan oleh UTHM untuk membangunkan prototaip pesawat terbang rendah dikenali sebagai *wing-in-ground effect craft*," katanya.

Menurut Siti Juita Mastura, beliau juga ahli lembaga pengarah dalam satu syarikat terbitan UTHM, Avitex Solution yang menjalankan aktiviti komersial produk berasaskan dron serta kursus asas pengendalian dron.

"Saya harap dengan terubuhnya syarikat itu ia memberi peluang kepada UTHM untuk terbahit dengan lebih aktif dalam aktiviti konsultasi membabitkan aplikasi dron dalam pelbagai industri," katanya.

“
Pemilikan lesen ini membolehkan saya meneruskan aktiviti penyelidikan
”
Siti Juita





GPS BESTARI.COM 10 MAC 2021



Pensyarah UTHM terima pengiktirafan Top Res

10 Mac 2021 | ADMIN



Ihsan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Kesungguhan pensyarah dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Madya Dr Ramlee Kamarudin menyertai pelbagai program penyelidikan dan pengantarabangsaan membuah-kan hasil membanggakan apabila beliau dipilih menerima pengiktirafan Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2020 yang diumumkan pada Januari lalu.

Pensyarah dan penyelidik dari Jabatan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) itu menjadi antara 30 penyelidik Malaysia yang menerima pengiktirafan berkenaan berdasarkan pencapaian cemerlangnya dalam aktiviti penyelidikan dan pengantarabangsaan.

Menurut Dr Ramlee, faktor kejayaannya didorong oleh usaha yang berterusan dan sikap yang suka menerima cabaran, di samping pelbagai aktiviti pengantarabangsaan yang diceburinya sebelum ini sekali gus menjadi pemangkin serta motivasi dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan.

“Saya telah menerima pelbagai geran antarabangsa seperti Erasmus+, Global Challenges Research

Fund dan The ASEAN University Network/South-east Asia Engineering Education Development (AUN-SEED) yang membolehkan saya membina pelbagai rangkaian dan jaringan kerjasama dalam pengajaran serta penyelidikan dengan penyelidik dari institusi dan industri luar negara seperti Jepun, United Kingdom, Poland, Perancis, India, Australia dan Indonesia.

“Saya juga turut melawat dan menjadi visiting researcher di beberapa universiti terkemuka dunia seperti University of California Los Angeles, New York University (NYU) dan Penn State University, Amerika Syarikat (AS); RMIT University, Australia; Silesian University of Technology, Poland; University of Rennes 1, Perancis; Delft University of Technology (TU Delft), Netherlands; Tokyo Institute of Technology, Jepun dan Queen Mary University, London, United Kingdom (UK),” katanya.

Kepakaran dan penyelidikan yang dimiliki Dr Ramlee tertumpu kepada pembinaan dan rekabentuk antena sejak memperolehi ijazah falsafah kedoktoran (PhD) daripada University of Birmingham, UK pada tahun 2008.

Sebelum menyertai UTHM pada Mei 2019, beliau merupakan Pensyarah Kanan di Centre for Electronic Warfare, Information and Cyber, Cranfield Defense and Security, Cranfield University, UK dan Profesor Madya di Wireless Communication Centre, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.



Menyingkap sumbangannya dalam akademik dan penyelidikan pula, Dr Ramlee dan penyelidik bersama yang terdiri daripada pelajar pra dan pasca-siswazah telah menerbitkan lebih 250 penerbitan jurnal termasuklah IEEE Transaction on Antennas and Propagation, IEEE Antennas and Wireless Propagation Letter dan IEEE Antenna Magazine dan IEEE Access.



Hasil penerbitan itu telah melayakkan beliau memperoleh Web of Science H-Index = 22 dan SCOPUS H-Index = 27.

Pencapaian Dr Ramlee dalam aspek sitasi juga amat membanggakan kerana beliau berada dalam kelompok penyelidik yang mempunyai jumlah sitasi melebihi 1,500 bagi Citations in Web of Science dan 2,700 Citations in SCOPUS.

Melalui pengalaman dan kepimpinan di peringkat global itu, beliau telah diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan UTHM untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Pejabat Antarabangsa sejak November 2019.

Berdiri dengan jawatan tersebut, beliau telah menggariskan enam Pelan Transformasi Pejabat Antarabangsa iaitu Global Reputation and Visibility, CQI of Customer Services, Enhancement and Advancement of Academic Programmes, International Students Overall Experience, Boosting Research and Networking and Utilisation of New Technologies bagi memacu keterlibatan dan keterlihatan UTHM di peringkat global.

Untuk mencapai matlamat itu, Dr Ramlee juga telah menggerakkan usaha ke arah pembentukan budaya kerja yang mempunyai ciri-ciri seperti semangat bekerja dalam satu pasukan, saling memahami dan menasihati serta semangat sukarelawan.

Pada masa sama, beliau juga berazam untuk terus memanfaatkan ilmu, pengalaman dan kepakaran dimiliki di peringkat global agar manfaatnya dapat dinikmati oleh komuniti dunia selain UTHM dan Malaysia yang tercinta.

Teks asal oleh Suriyati Baharom dari Pejabat Pe-masaran dan Komunikasi Korporat UTHM



CHINA PRESS 11 MAC 2021



■阿敏医生也率先接种疫苗。

■敦胡申翁大学医药中心祖基菲利医生，率先接种疫苗。

敦大醫藥中心

28前線人員率先接種

(峇株巴轄10日讯) 敦胡申翁大学医药中心约28名前线人员，成为首批率先接种冠病疫苗的敦大职员。

敦胡申翁大学副校长拿督瓦希拉查里教授吁请所有大学教职员及学生，尽快登记接种疫苗，以根据时间表施打疫苗。

“我希望所有符合资格接种疫苗的大学教职员及学生，能尽快登记，因为施打疫苗是达到群体免疫的关键。

“我国必须至少85%成年人接种疫苗，才能达到群体免疫。”

他说，接种疫苗可以直接阻断疫情，避免疫情恶化下去。

根据时间表，从2月至4月，预料将有50万名前线人员将在第一阶段轮流接种疫苗；第二阶段（4月至8月）则涉及乐龄人士及高风险群，至于第三阶段（5月至明年2月）则为18岁以上国民及外劳施打疫苗。



HARIAN METRO 29 MAC 2021

UTHM dilantik jadi Pusat Penilaian APEL ijazah sarjana, sarjana muda

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) keenam dilantik sebagai Pusat Penilaian APEL bagi peringkat ijazah sarjana (APEL T-7) dan sarjana muda (APEL T-6).

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, pelantikan itu membolehkan masyarakat di selatan tanah air untuk mengambil peluang menyambung pengajian ke peringkat yang mereka idamkan.

Beliau berkata, menerusi Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL), mereka yang tidak mempunyai tahap pendidikan konvensional pun boleh melanjutkan pelajaran ke universiti. Katanya, dengan

adanya laluan alternatif melalui APEL ini, diharapkan lebih ramai dalam kalangan individu yang boleh meningkatkan pengetahuan, seterusnya memberi peluang lebih cerah dalam perkembangan kerjaya masing-masing.

"Pelantikan UTHM ini membolehkan mereka yang berada di Johor dan sekitar universiti ini lebih mudah untuk mendapatkan sijil APEL serta tidak perlu ke Kuala Lumpur atau Cyberjaya.

"Selepas memperoleh sijil APEL, mereka bolehlah memilih institut pengajian tinggi untuk menyambung pengajian dalam bidang yang dimohon," katanya



DR Mohammad Shatar (dua dari kiri) menyerahkan simbolik pelantikan kepada Wahid (dua dari kanan) sambil diperhatikan Noraini (tiga dari kiri) dan Dr Husaini (kiri).

dalam majlis penyerahan ringkas pada Program Malaysia Prihatin bersama Menteri Pengajian Tinggi di Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Tun Hussein

Onn, baru-baru ini.

Majlis penyerahan kepada Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Wahid Razzaly itu turut disaksikan Menteri

Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr Husaini Omar.

Sebelum ini, lima IPT sudah dilantik menjadi Pusat Penilaian APEL iaitu Open University Malaysia, Wawasan Open University, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Mengulas lanjut, Mohammad Shatar berkata, pihaknya berharap selepas ini lebih banyak IPT yang tampil untuk memohon menjadi Pusat Penilaian APEL.

"Peluang masyarakat terutama golongan pekerja

untuk menyambung pengajian di IPT tempatan lebih tinggi sekiranya terdapat lebih banyak Pusat Penilaian APEL.

"Hal ini selaras dengan agenda untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi berkualiti global pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Dr Wahid berkata, pihaknya mengalu-alukan mereka yang berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana, namun tidak mempunyai kelayakan akademik datang ke UTHM untuk menubuh persijilan APEL.

"Pelantikan ini sesuatu peluang yang besar bukan untuk UTHM tetapi untuk tenaga kerja yang berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.



Wanita & Keluarga

Khamis, 15 April 2021

Siti Juita Mastura aktif cipta dron

Wanita pertama miliki lesen juruterbang kawalan dron profesional

Oleh Eza Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Batu Pahat: Pembaharuan wanita dalam bidang teknologi dron amat kurang, sedangkan kerjaya itu mampu menawarkan peluang besar untuk berkembang dalam industri dron komersial.

Wanita pertama Malaysia me-

miliki lesen Juruterbang Kawalan Dron Profesional, Siti Juita Mastura Mohd Saleh, 38, berkata tidak mustahil wanita berjaya dalam bidang yang sinonim dengan golongan lelaki.

Beliau berkata, wanita perlu mengosok langkah dengan memperkatakan dalam pelbagai bidang khususnya sains dan teknologi.

Katanya, teknologi dron tidak mudah dipelajari, cuma seseorang perlu mempunyai minat yang tinggi dalam bidang itu.

"Bidang ini tidak memerlukan banyak tenaga, sebaliknya kemahiran dalam kejuruteraan seperti kejuruteraan mekatronik dan mekanikal.

"Utak mengendali dan mengawal dron awam agak mudah kerana strukturanya ringkas dan stabil.

"Bagaimanapun, bagi dron untuk perluan awam dron kargo ia lebih berat. Mereka perlu melakukan banyak latihan, konsisten dan lebih berhati-hati," katanya kepada BH.

Beliau yang juga penyarah dan penyelidik di Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembinaan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), berkata lesen miliknya itu mendapat pengiktirafan Lembaga Keselamatan Penerbangan Awam Australia (CASA), selain beberapa lagi negara lain di Asia turut mengiktiraf lesen berkenaan seperti Singapura.

Katanya, lesennya itu untuk kegunaan komersial membahitkan dron seberat tujuh hingga 25 kilogram dan kebanyakannya digunakan dalam aktiviti rancangan serta rakaman foto dan video.

"Bagi mereka yang ingin



Siti Juita Mastura turut menjaja beberapa pertandingan perlumbaan dron bersama-sama pelajarannya.

(Foto: Eza Abu Yamin/BH)

menerbangkan dron untuk tujuan komersial, termasuk di Malaysia perlu mempunyai lesen dan berhubung dengan Air Traffic Control (ATC) atau pusat kawalan udara kerana tidak boleh menerbangkan sesuka hati.

"Bermula tahun ini, Malaysia moga mengawal aktiviti menerbangkan dron bagi mengelak kesesakan di ruang-udara kerana bekemungkinan akan berlaku kemalangan," katanya.

Beliau yang aktif membahitkan dron untuk tujuan pertanian dan pemantauan dari udara, di mana dengan penyelidikan menerbangkan dron, ia berjaya dihasilkan dikenali sebagai Pinexri-20 dan Pinexri-X dan kini digunakan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Justeru, katanya, ketika ini penggunaan dron begitu luas dalam kalangan masyarakat untuk pelbagai tujuan.

"Baru-baru ini, kami menerima pertanyaan daripada sebuah syarikat perikanan mahu ada

boleh mencipta dron untuk memuat pemeriksa dan penyelenggaraan bagi membaiki komponen kapal terbang.

"Ada juga syarikat minyak dan gas meminta pendapat untuk membuat dron bagi tujuan pemeriksaan dan penyelenggaraan di beberapa bahagian pelantar minyak yang tidak boleh diakses pekerja di tempat itu.

"Pada saya, ilmu pengetahuan dan kemahiran dimiliki seseorang dalam bidang ini akan memberi banyak kelebihan, jika memahami konsep dron macam-macam boleh lakukan mengikut keperluan peralatan itu," katanya.

Siti Juita Mastura berkata, beliau kini sedang mengikuti kursus lesen, malah menjadi satu-satunya wanita yang mengikut kursus tersebut.

"Walaupun hanya saya wanita di situ, tetapi pengajar dan rakan dari luar negara tidak memandang rendah saya.

"Mereka semua sering mem-

beri semangat dan tidak keceak berkecuali ilmu dalam bidang berkenaan.

"Sokongan suami dan ahli keluarga membantukan kerja saya lebih mudah dan berjaya sehinggalah ke tahap ini.

"Sejak kecil saya minat bermain dengan beberapa permainan membahitkan teknologi dan sehingga kini hobi saya adalah mengumpul gadget seperti permainan video dari ada banyak koleksi dron peribadi," katanya.

Siti Juita Mastura yang memiliki kelulusan doktor falsafah dari Universiti Cranfield, United Kingdom, berkata antara cabaran untuk memiliki lesen adalah perlu meletakkan beberapa projek termasuk pembinaan pesawat ringan baharu Brazil yang digunakan untuk aktiviti penerbangan.

Selain itu, beliau diantik menerajui syarikat milik UTHM dalam bidang aeronautik yang dikenali sebagai Aviation Technology Expert Solution (AVITEX).



UTHM, PPSB jalin kerjasama strategik

PETALING JAYA: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalin kerjasama strategik dengan Perisind Samudra Sdn. Bhd. (PPSB) bagi melaksanakan projek inisiatif pembangunan dan penyelidikan Bandar Hijau Pintar (*Green and Smart City*).

Kerjasama itu membahitkan pemberian geran bernilai RM1 juta daripada PSSB kepada UTHM bagi tujuan penyelidikan awal.

Majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dan penyerahan replika cek telah diadakan 4 April lalu.

Pada majlis itu, UTHM diwakili Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razaaly, sementara PSSB diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Mohd. Shafee Mohd. Saip dan disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Datuk Seri Ibrahim Ahmad.

Menurut Wahid, perjanjian



MAJLIS menandatangani perjanjian persefahaman antara UTHM dan PSSB di Johor, baru-baru ini.

itu untuk membina kerjasama dalam bidang penyelidikan, sangkutan industri dalam kalangan kakitangan, pelajar dan

aktiviti tanggungjawab sosial.

Katanya, sebuah Jawatankuasa Kerja UTHM-PPSB telah diwujudkan bagi meran-

cang, melaksanakan dan memantau segala aktiviti penyelidikan berkaitan ekonomi, pengangkutan, teknologi maklumat, ana-

lisis data raya dan pengurusan sisa dan alam sekitar menerusi persetujuan bersama.

"Pergunaan dana geran penyelidikan ini akan disalurkan kepada UTHM dan diurus tadbir oleh Jawatankuasa Kerja UTHM-PPSB yang diwujudkan di bawah OASIS Integrated Group (OIG).

"Dengan termeterainya kerjasama ini, pihak UTHM-PPSB turut mewujudkan sebuah makmal dinamakan 'Perisind BizLab' sebagai makmal industri di universiti ini," katanya dalam kenyataan.

Tambah Wahid, Jawatankuasa Kerja UTHM-PPSB akan menyelaras perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek serta aktiviti di bawah Perisind BizLab, manakala Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM pula akan menyediakan fasiliti bagi pemubuhan makmal itu.

Penerbitan Terkini

KEBISINGAN PEKERJAAN DAN GETARAN MANUSIA



Author: [Nor Azali Azmir](#)

ISBN: 978-967-2975-34-2

Harga: RM19.00

Format: epub

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/329991/kebisingan-pekerjaan-dan-getaran-manusia>

Prinsip utama dalam program pemuliharaan pendengaran dan getaran pekerjaan ialah memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat daripada hazard bising dan getaran yang terdedah kepada pekerja. Pengamal-pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) adalah mereka yang menjadi rujukan bagi memastikan tempat kerja bebas daripada unsur-unsur kebisingan dan getaran. Keadaan tempat kerja yang berbahaya boleh mewujudkan kebarangkalian mudarat kesihatan pekerja dan organisasi apabila insiden kronik berlaku. Mereka yang berhasrat untuk menjadi penaksir risiko bagi hazard kebisingan dan getaran yang berjaya, perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas. Buku Kebisingan Pekerjaan & Getaran Manusia ini mengandungi dua bab besar yang memfokuskan asas pengetahuan tentang kebisingan dan getaran pekerjaan berlaku di tempat kerja. Ianya amat sesuai kepada para pelajar atau pengamal KKP yang ingin mendalami bidang ini. Buku ini ditulis dengan bahasa yang mudah difahami berserta ilustrasi bagi meningkatkan kefahaman pembaca. Semoga buku ini dapat membantu negara secara umum dan khususnya kepada pengamal KKP dalam mengarusperdanakan industri higien seiring dengan Pelan Induk Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHMP) 2020.

PENGERUKAN SATU PENGENALAN KEPADA TEKNOLOGIS



Author: [CHEE-MING CHAN](#)

ISBN: 978-967-2975-06-9

Harga: RM20.00

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/329995/pengerukan-satu-pengenalan-kepada-teknologis>

Pengerukan jelas memainkan peranan yang penting dalam pembangunan infrastruktur marin dan perkembangan aktiviti maritim antarabangsa. Operasi pengerukan dijalankan untuk pelbagai tujuan: meneroka tapak pembangunan maritim baharu, memasang paip industri petroleum di dasar laut, memelihara laluan pelayaran di pelabuhan ataupun membersihkan perairan yang tercemar daripada tumpahan minyak dan kejadian pencemaran yang lain. Juga, teknologi pengerukan yang kian bertambah maju diiringi kesedaran kebertanggungjawaban bersama dan akauntabiliti dalam pengendalian bahan kerukan, khususnya jenis yang tercemar dan membawa risiko kepada kesejahteraan ekosistem marin atau kesihatan manusia. Akhir kata, pengerukan merupakan satu bidang kejuruteraan yang unik dan bersifat multi-disiplin, serta memerlukan gabungan kepakaran dari pelbagai bidang untuk memastikan kemajuan di masa akan datang dengan mengambilkira pemeliharaan keseimbangan dan kestabilan alam sekitar yang sedia ada. Ini sememangnya wajar kerana terjejasnya keseimbangan alam sekitar akan membawa kesan negatif kepada manusia, secara langsung ataupun tidak langsung dalam jangka masa panjang.

Penerbitan Terkini

TEKNOLOGI STORAN AWAN DALAM LINGKUNGAN ANDA



Author: [SUHAIZAL HASHIM](#)

ISBN: 978-967-2975-36-6


Harga: RM21.00

Format: epub

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/329996/teknologi-storan-awan-dalam-lingkungan-anda>

Sejajar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi golongan Perkhidmatan storan awan sememangnya sangat membantu kita pada zaman serba internet ini. Keupayaan untuk menyimpan fail ke simpanan awan dan mengambilnya di mana-mana dan bila-bila masa memberikan pengguna fleksibiliti yang dianggap mustahil beberapa tahun lalu. Kebanyakan pendidik masih tidak pasti mengenai kemudahan penyimpanan awan yang sesuai untuk mereka gunakan dalam membantu pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hari ini terdapat pelbagai platform secara atas talian untuk golongan pendidik atau pelajar menggarap kreativiti untuk menambah baik kualiti penyampaian dengan bantuan teknologi. Elemen teknologi ini dilihat terlebih terkehadapan apabila pengguna dapat menyimpan data/maklumat dan menggunakannya pada bila-bila masa yang diperlukan selagi ada talian internet. Mereka tidak perlu membawa storan fizikal seperti external hard disk, thumb drive dan sebagainya selain dapat berkongsi data/maklumat dengan pengguna lain dengan mudah yang dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bertambah menarik dan memudahkan urusan pengajaran dan pemudahcaraan, malah bersesuaian dengan motivasi pelajar untuk belajar. Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh golongan pendidik dalam meneroka pengalaman baru dalam pengajaran dan pemudahcaraan pembelajaran abad 21 yang serba mencabar ini.

THE NEW NORMAL: HEART TALKS



Author: Elizabeth M. Anthony, Chee-Ming Chan

ISBN: 978-967-2975-38-0

Harga: RM19.00

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/330716/the-new-normal-heart-talks>

Rather it is an attempt to provide individuals an avenue to pour out their grievance or joy. It merely highlights some of the concerns close to the hearts of people from all walks of life especially amidst the current COVID19 pandemic and how they deal with them. It encompasses diverse range of themes such as faith, hope, love, food, family, friendship, etc. The contents of this volume comprise three genres presented as separate parts; poems, prose and 'mishmash'. The poems here are generally in stanzas but not bound to the strict conventions of meter, rhyme or alliteration. The prose is narratives written in short paragraph(s) to tell a story. Mishmash on the other hand is writings that do not belong to either the poem or prose genre.

Penerbitan Terkini

TEKNIK-TEKNIK KHAS BEDAH SIASAT FORENSIK



Author: FARIDAH MOHD NOR, MUHAMMAD MAHADI ABDUL JAMIL, TAN LII JYE, NADIAWATI ABDUL RAZAK

ISBN: 978-967-2975-43-4

Harga: RM19.00

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/331720/teknik-teknik-khas-bedah-siasat-forensik>

Buku ini mengandungi maklumat yang diperolehi daripada sumber yang berbeza dan pengalaman peribadi yang berbeza dari pakar-pakar forensik dan anatomi di Malaysia. Deskripsi teknik autopsi terperinci boleh didapati di dalam banyak buku teks. Tujuan penulisan buku ini bukanlah untuk membentangkan buku teks perubatan forensik secara komprehensif. Ianya lebih memberi keseluruhan, teknik autopsi (bedah siasat forensik) khas terpilih yang berkaitan dengan topik patologi forensik. Ia harus memberikan maklumat tambahan yang berguna kepada latihan peribadi dalam suasana hospital. Dalam buku ini beberapa sistem dalam bedah siasat pada bahagian saraf, otak, leher, kardiovaskular, teknik-teknik khas dalam pengurusan mayat, sistem genitoplasentari, muskuloskeletal, pemeriksaan pada bayi dan pemeriksaan pada tulang. Diharapkan buku ini dapat menerangkan sedikit teknik-teknik khas yang dijalankan semasa bedah siasat forensik yang dijalankan bagi membantu punca sesuatu kematian.

PSIKOLOGI SENI PENGURUSAN: Momentum Dinamika Organisasi



Author: Siti Sarawati Johar dan Khairunesa Isa

ISBN: 978-967-2975-54-0

Harga: RM20.00

Link: <https://www.e-sentral.com/book/info/338269/psikologi-seni-pengurusan-momentum-dinamika-organisasi>

Buku ini ditulis dengan tujuan agar pembaca memperoleh sedikit sebanyak ilmu berkisar tentang psikologi dalam organisasi dan pengurusan. Dengan itu, pembaca dapat melihat suatu dimensi manusia yang mempunyai tiga domain utama iaitu minda, jiwa dan fizikal. Kekuatan dimensi itu diyakini berupaya membantu menjadikan manusia sebagai modal insan yang unggul dari sisi agama, bangsa dan negara. Buku ini menelusuri topik-topik utama yang merangkumi seni kepimpinan, seni organisasi, seni pengikut, seni pengendalian emosi dan cabaran dalam organisasi. Perbincangan bersifat ilmiah ini adalah sebagai suatu gambaran pada kesatuan epistemologi ilmu yang menjadi antara elemen utama dalam pembangunan organisasi yang terdiri daripada golongan manusia. Keupayaan dalam kerangka membangunkan sumber manusia sebagai modal insan yang berkualiti dalam dimensi minda, emosi dan tingkah laku kelas pertama adalah suatu tuntutan yang memerlukan usaha serta perhatian bersama semua pihak secara lebih kolektif dan proaktif.